



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI



# 2021

**SIRI KOLEKSI PERTANYAAN DAN  
JAWAPAN PARLIMEN (DEWAN NEGARA)  
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

**UNIT PARLIMEN**  
**BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN DASAR**  
**KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

Tingkat 13, No.2, Menara 2  
Jalan P5/6, Presint 5  
62200 Putrajaya

**SIDANG REDAKSI:**

- Penasihat** : Dato<sup>^</sup> Shahrudin Bin Abu Sohot  
**Ketua Editor** : Dr. Aini Andria Shirin Binti Anuarudin  
**Editor** : Che Hazwani binti Che Mansor  
: Abdul Syafiq bin Abdul Samat  
: Syed Zahiruddin bin Tuanku Alshagaf
- Bacaan Prof** : Norlela Binti Abd Halim  
Nurshamimi Binti Hussain

**Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar**  
**Cetakan Pertama 2022**

Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh digunakan lagi atau dipindah dalam mana-mana cara, baik dengan cara elektronik, mekanikal, penggambaran semula, perakaman ataupun sebaliknya, tanpa izin bertulis daripada Kementerian Pengajian Tinggi.

## KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	HALAMAN
1	Kategori Isu Kementerian Pengajian Tinggi	5
2	Analisis Jumlah Pertanyaan Mengikut Kategori Isu	6
3	<b>MESYUARAT PERTAMA DEWAN NEGARA [4 Oktober hingga 26 Oktober 2021]</b>	7
4	Aturan Urusan Mesyuarat (AUM) <ul style="list-style-type: none"><li>- Pertanyaan Lisan</li><li>- Pertanyaan Bukan Lisan</li></ul>	8
5	Jawapan Bagi Pertanyaan Lisan	16
6	Jawapan bagi Pertanyaan Bukan Lisan	54
7	<b>MESYUARAT KEDUA DEWAN RAKYAT [8 Disember hingga 23 Disember 2021]</b>	67
8	Aturan Urusan Mesyuarat (AUM) <ul style="list-style-type: none"><li>- Pertanyaan Lisan</li><li>- Pertanyaan Bukan Lisan</li></ul>	68
9	Jawapan Bagi Pertanyaan Lisan	78
10	Jawapan Bagi Pertanyaan Bukan Lisan	126

**SIRI KOLEKSI  
PERTANYAAN DAN JAWAPAN  
PARLIMEN**


**DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA DAN  
KEDUA PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KE-14 TAHUN 2021**

**KATEGORI ISU  
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

<b>BIL.</b>	<b>KATEGORI ISU</b>	<b>JUMLAH PERTANYAAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.	Data Pengajian Tinggi	12	26, 48, 54, 58, 60, 80, 104, 118, 123, 126, 132, 134
2.	Kebolehpasaran Graduan	11	19, 26, 41, 54, 85, 90, 98, 118, 119, 138, 142
3.	COVID-19 dan Bantuan Pelajar	9	27, 29, 46, 49, 51, 62, 88, 94, 111
4.	Kemasukan ke IPT	5	62, 80, 96, 107, 140
5.	PTPTN	4	84, 87, 102, 117
6.	Pengajaran dan Pembelajaran	4	39, 92, 94, 136
7.	Orang Kurang Upaya (OKU)	4	22, 78, 82, 121
8.	Lain-Lain	4	24, 64, 113, 115
9.	Hal Ehwal Pelajar	3	33, 78, 82
10.	Akademik dan Program Pengajian	3	22, 41, 98
11.	<i>Technical and Vocational Education and Training (TVET)</i>	2	31, 105
12.	Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS)	2	109, 144
13.	Program Keusahawanan dan Latihan Industri	2	17, 35
14.	Penubuhan IPT Baharu dan Naik Taraf IPT	2	43, 146
15.	Pelajar Antarabangsa dan Pengantarabangsaan Pengajian Tinggi	1	37
16.	Kualiti IPT	1	100
17.	Politeknik dan Kolej Komuniti	1	107

# ANALISIS JUMLAH PERTANYAAN MENGIKUT KATEGORI ISU

## DEWAN NEGARA 2021



**DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KE-14 TAHUN 2021  
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

**[4 OKTOBER HINGGA 26 OKTOBER 2021]**

**ATURAN URUSAN MESYUARAT  
DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA  
PENGAL KEEMPAT PARLIMEN KE-14  
4 OKTOBER HINGGA 26 OKTOBER 2021**

**PERTANYAAN LISAN: MINGGU PERTAMA**

**4 OKTOBER 2021 (ISNIN) – TIADA PERTANYAAN**

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	TIADA PERTANYAAN

**5 OKTOBER 2020 (SELASA) - 2 PERTANYAAN**

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	<p><b>[No. 14]</b></p> <p><b>PN-1441-L05727</b></p> <p>Tuan <b>Zaiedi Suhaili</b> minta <b>MENTERI PENGAJIAN TINGGI</b> menyatakan sejauh mana pelaksanaan Latihan Industri atau 'Internship' ke atas bakal graduan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan Politeknik di seluruh negara memandangkan kebanyakan industri dan majikan swasta terjejas disebabkan had dan kekangan operasi semasa tempoh PKP 2.0 dan Pelan Pemulihan Negara pada tahun 2021.</p>
2.	<p><b>[No. 22]</b></p> <p><b>PN-1441-L06038</b></p> <p>Tuan <b>Jaziri Alkaf Abdillah Suffian</b> minta <b>MENTERI PENGAJIAN TINGGI</b> menyatakan status dan tindakan yang akan dilakukan bagi membantu lepasan universiti yang kini berhadapan kesukaran mencari pekerjaan. Pasaran kerja kian mencabar akibat pandemik dan ia menuntut graduan mempersiapkan diri dengan pelbagai kemahiran terkini yang di luar bidang mereka pelajari. Apakah rancangan Kerajaan dalam usaha membantu para graduan ini supaya kehidupan mereka lebih terjamin.</p>

### 6 OKTOBER 2021 (RABU) - 3 PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	<p>[No. 11]</p> <p><b>PN-1441-L05976</b></p> <p><b>Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi</b> minta <b>MENTERI PENGAJIAN TINGGI</b> menyatakan jumlah jurusan pengajian yang dikhususkan untuk OKU serta nyatakan usaha untuk memastikan kesemua jurusan pengajian dan infrastruktur di IPT adalah mesra dan sesuai untuk OKU.</p>
2.	<p>[No. 16]</p> <p><b>PN-1441-L06221</b></p> <p><b>Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair</b> minta <b>MENTERI PENGAJIAN TINGGI</b> menyatakan perancangan khusus oleh Kementerian untuk menjadikan universiti-universiti awam di Negeri Sembilan sebagai kampus pendorong atau 'supporting campus' kepada bakal lepasan SPM dan STPM 2021 dari keluarga miskin tegar di negeri itu yang tidak mencapai kelayakan minima kemasukan ke IPTA.</p>

### 7 OKTOBER 2021 (KHAMIS) - 1 PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	<p>[No. 25]</p> <p><b>PN-1441-L06087</b></p> <p><b>Ir.Ts Haji Khairil Nizam bin Khirudin</b> minta <b>MENTERI PENGAJIAN TINGGI</b> menyatakan statistik berkenaan bilangan graduan daripada Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang masih belum mendapat pekerjaan.</p>

## **PERTANYAAN LISAN: MINGGU KEDUA**

### **11 OKTOBER 2021 (ISNIN) - 2 PERTANYAAN**

<b>Bil.</b>	<b>No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan</b>
<b>1.</b>	<b>[No. 20]</b>  <b>PN-1441-L06088</b> <b>Ir.Ts Haji Khairil Nizam bin Khirudin</b> minta <b>MENTERI PENGAJIAN TINGGI</b> menyatakan berapakah jumlah mahasiswa yang telah menerima bantuan berbentuk alat peranti seperti laptop atau telefon pintar daripada Kementerian untuk digunakan bagi tujuan 'e-learning' di rumah.

### **12 OKTOBER 2021 (SELASA) - 1 PERTANYAAN**

<b>Bil.</b>	<b>No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan</b>
<b>1.</b>	<b>[No. 41]</b>  <b>PN-1441-L06090</b> <b>Ir.Ts Haji Khairil Nizam bin Khirudin</b> minta <b>MENTERI PENGAJIAN TINGGI</b> menyatakan apakah status pelaksanaan Majlis Konvokesyen Graduan di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang tertangguh akibat pandemik COVID-19.

### **13 OKTOBER 2021 (RABU) – 2 PERTANYAAN**

<b>Bil.</b>	<b>No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan</b>
<b>1.</b>	<b>[No. 13]</b>  <b>PN-1441-L06029</b> <b>Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian</b> minta <b>MENTERI PENGAJIAN TINGGI</b> menyatakan adakah Kementerian akan memberi penekanan penglibatan daripada para pelajar yang lebih tinggi kepada sektor Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
2.	<p data-bbox="316 374 427 410"><b>[No. 47]</b></p> <p data-bbox="316 449 528 485"><b>PN-1441-L06091</b></p> <p data-bbox="316 494 1359 621">Ir.Ts Haji Khairil Nizam bin Khirudin minta <b>MENTERI PENGAJIAN TINGGI</b> menyatakan apakah status pelaksanaan 'Student Union' dalam Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).</p>

**14 OKTOBER 2021 (KHAMIS) - 2 PERTANYAAN**

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	<p data-bbox="316 911 427 948"><b>[No. 12]</b></p> <p data-bbox="316 986 528 1022"><b>PN-1441-L05720</b></p> <p data-bbox="316 1031 1359 1258">Dato' Wira Othman bin Aziz minta <b>MENTERI PENGAJIAN TINGGI</b> menyatakan kaedah dan langkah yang diambil oleh Institut Pengajian Tinggi (IPT) untuk memastikan kaedah latihan industri dalam kalangan penuntut mengekalkan kualiti latihan mengambil kira situasi semasa yang sedang berlaku di dalam negara.</p>
2.	<p data-bbox="316 1297 427 1333"><b>[No. 18]</b></p> <p data-bbox="316 1372 528 1408"><b>PN-1441-L06014</b></p> <p data-bbox="316 1417 1359 1598">Dr. Nuing Jeluing minta <b>MENTERI PENGAJIAN TINGGI</b> menyatakan apakah perkembangan mengenai usaha yang telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian bagi memastikan mobiliti graduan meneroka peluang dan pengalaman pekerjaan di negara lain seperti negara-negara ASEAN.</p>

## **PERTANYAAN LISAN: MINGGU KETIGA**

### **18 OKTOBER 2021 (ISNIN) - 2 PERTANYAAN**

<b>Bil.</b>	<b>No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan</b>
<b>1.</b>	<b>[No. 19]</b> <b>PN-1441-L05871</b> <b>Dr. Ahmad Azam bin Hamzah</b> minta <b>MENTERI PENGAJIAN TINGGI</b> menyatakan bagaimanakah prestasi mahasiswa sepanjang pengajian dijalankan secara maya.
<b>2.</b>	<b>[No. 29]</b> <b>PN-1441-L06033</b> <b>Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian</b> minta <b>MENTERI PENGAJIAN TINGGI</b> menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian dalam pembangunan 'soft skills' untuk memastikan para graduan kita lebih holistik dan sedia bekerja.

### **19 OKTOBER 2021 (SELASA) - TIADA PERTANYAAN**

<b>Bil.</b>	<b>No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan</b>
	<b>TIDAK BERSIDANG</b>

### **20 OKTOBER 2021 (RABU) - 1 PERTANYAAN**

<b>Bil.</b>	<b>No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan</b>
<b>1.</b>	<b>[No. 41]</b> <b>PN-1441-L05934</b> <b>Tuan Robert Lau Hui Yew</b> minta <b>MENTERI PENGAJIAN TINGGI</b> menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai rancangan untuk menjadikan Kampus Universiti Putra Malaysia di Bintulu sebagai sebuah Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan memulangkan tumpuan pengajiannya kepada aspek asalnya, iaitu pertanian.

21 OKTOBER 2021 (KHAMIS) - TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	TIADA PERTANYAAN

**PERTANYAAN LISAN: MINGGU KEEMPAT**

25 OKTOBER 2021 (ISNIN) - 2 PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	<p>[No. 1]</p> <p><b>PN-1441-L05819</b></p> <p><b>Datuk Bobby Ahfang bin Suan</b> minta <b>MENTERI PENGAJIAN TINGGI</b> menyatakan bilakah universiti awam dan swasta dapat dibuka semula bagi memberi ruang kepada golongan siswa dan siswi melanjutkan pengajian secara langsung seperti biasa dan apakah usaha Kementerian dalam memastikan semua kakitangan Universiti, pensyarah dan para pelajar dapat divaksin secara total dan mematuhi SOP yang sepatutnya.</p>
2.	<p>[No. 33]</p> <p><b>PN-1441-L05859</b></p> <p><b>Puan Fadhlina binti Dato' Sidek</b> minta <b>MENTERI PENGAJIAN TINGGI</b> menyatakan statistik jumlah mahasiswa dalam kalangan keluarga B40 yang tidak tamat pengajian di Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta akibat COVID-19 sejak 2019 hingga kini.</p>

26 OKTOBER 2021 (SELASA) - 2 PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	<p>[No. 11]</p> <p><b>PN-1441-L06260</b></p> <p><b>Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu</b> minta <b>MENTERI PENGAJIAN TINGGI</b></p>

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	menyatakan berapakah bilangan pelajar universiti awam yang tidak dapat meneruskan pengajian di IPT akibat masalah kewangan dan apakah langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk membantu pelajar-pelajar ini.
2.	<p><b>[No. 18]</b></p> <p><b>PN-1441-L05875</b></p> <p><b>Dr. Ahmad Azam bin Hamzah</b> minta <b>MENTERI PENGAJIAN TINGGI</b> menyatakan berapakah nilai ambang vaksinasi mahasiswa bagi membolehkan universiti dibuka semula.</p>

## PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN

### 5 PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Bukan Jawab Lisan
1.	<p><b>[No. 2]</b></p> <p><b>PN-1441-T01007</b></p> <p><b>Dato' Wira Othman bin Aziz</b> minta <b>MENTERI PENGAJIAN TINGGI</b> menyatakan bilangan graduan yang dihasilkan oleh IPT Awam bagi Tahun 2019 dan 2020 mengikut IPT. Apakah langkah yang diambil oleh Kementerian bagi memastikan kebolehan pasaran graduan terutama sekali di sektor swasta.</p>
2.	<p><b>[No. 6]</b></p> <p><b>PN-1441-T01011</b></p> <p><b>Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee</b> minta <b>MENTERI PENGAJIAN TINGGI</b> menyatakan jumlah pelajar yang telah diberikan penempatan pengajian tinggi ijazah sarjana muda sepenuh masa di peringkat IPTA bagi pengambilan September/Oktober sesi 2020/22, jelaskan secara terperinci mengikut permohonan dan penawaran berdasarkan kaum, jantina, wilayah, kategori lepasan SPM/STPM/STAM/Matrikulasi/Asasi dan sebagainya.</p>

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Bukan Jawab Lisan
3.	<p data-bbox="320 353 416 387"><b>[No. 9]</b></p> <p data-bbox="320 426 536 460"><b>PN-1441-T01014</b></p> <p data-bbox="320 471 1377 596">Tuan <b>Aknan Ehtook</b> minta <b>MENTERI PENGAJIAN TINGGI</b> menyatakan bilangan pelajar keturunan Siam bagi setiap universiti awam mengikut tahun pengajian untuk tempoh 2016-2020. Apakah punca trend ini berlaku.</p>
4.	<p data-bbox="320 641 432 675"><b>[No. 46]</b></p> <p data-bbox="320 714 536 748"><b>PN-1441-T01053</b></p> <p data-bbox="320 759 1377 884">Tuan <b>Jaziri Alkaf Abdillah Suffian</b> minta <b>MENTERI PENGAJIAN TINGGI</b> menyatakan apakah kesan pandemik COVID-19 ini dari segi pendaftaran baru pelajar-pelajar ke institusi pengajian tinggi awam ataupun swasta.</p>
5.	<p data-bbox="320 929 416 963"><b>[No. 6]</b></p> <p data-bbox="320 1002 536 1036"><b>PN-1441-T01074</b></p> <p data-bbox="320 1047 1377 1172">Ir.Ts <b>Haji Khairil Nizam bin Khirudin</b> minta <b>MENTERI PENGAJIAN TINGGI</b> menyatakan apakah program sokongan kesihatan mental yang dilaksanakan oleh Kementerian kepada mahasiswa sejak bermulanya pandemik COVID-19.</p>

**MESYUARAT PERTAMA DEWAN NEGARA  
TAHUN 2021**

**JAWAPAN BAGI PERTANYAAN LISAN**

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **TUAN ZAIEDI SUHAILI**  
**TARIKH** : **5 OKTOBER 2021 (SELASA)**  
**SOALAN** : **NO.14**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sejauh mana pelaksanaan Latihan Industri atau '*Internship*' ke atas bakal graduan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan Politeknik di seluruh negara memandangkan kebanyakan industri dan majikan swasta terjejas disebabkan had dan kekangan operasi semasa tempoh PKP 2.0 dan Pelan Pemulihan Negara pada tahun 2021.

### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, apabila negara berhadapan dengan pandemik COVID-19 dan negara berada dalam situasi kritikal di mana MCO 2.0 dilaksanakan, maka Kerajaan melalui Kementerian Pengajian Tinggi telah membuat penyesuaian kepada beberapa kursus yang dijalankan termasuklah berkaitan kursus atau program-program berkaitan Latihan Industri di mana penyesuaian ini dibuat atas faktor kelonggaran dan juga fleksibiliti kepada setiap Universiti dan Institusi termasuklah Politeknik untuk memastikan pelajar-pelajar tetap mendapat manfaat atau faedah daripada kursus atau program yang telah mereka ikuti.

Dalam hal ini juga pihak Kementerian Pengajian Tinggi memandang serius tentang permasalahan ketegangan mental di kalangan pelajar. Maka dengan adanya penyesuaian ini diharap pelajar-pelajar tidak begitu tertekan dengan keadaan yang berlaku. Untuk maklumat yang lebih *detail* berkenaan perkara ini, dalam konteks Institut Pengajian Tinggi, sebagai contoh di Universiti Awam, maka KPT telahpun memberi kelonggaran mengubahsuai program serta kaedah penilaian latihan industri dengan menerapkan kaedah alternatif berdasarkan panduan yang disediakan oleh

MQA. Antaranya ialah sebagai contoh, *industry-based project*, *problem-based project*, *topical study* atau *research project*. Selain itu, beberapa Universiti turut menawarkan pelaksanaan latihan industri di kampus masing-masing bagi memastikan pelajar dapat menyelesaikan latihan industri sebaik mungkin.

Dalam konteks Politeknik dan Kolej Komuniti pula, satu pendekatan telah pun dibuat di mana *Structured Internship Programme* (SIP) telah ditambahbaik melalui kaedah komunikasi dan penilaian secara dalam talian sebagai kaedah alternatif bagi menggantikan kaedah bersemuka seperti sebelum ini. Inisiatif Kerajaan untuk membuka beberapa sektor ekonomi perlu (*essential*) semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 dan 3.0 turut secara tidak langsung membantu para pelajar menjalani LI secara bersasar. Susulan penawaran bidang pengajian di politeknik dan kolej komuniti termasuk dalam kategori industri perlu, para pelajar berpeluang menjalani Latihan ini di industri terpilih. Mengikut data sehingga September 2021, seramai 576 orang pelajar sedang menjalani LI dan SIP dalam sektor pengilangan dan pembuatan semasa waktu MCO ini.

Sekian, terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN** : LISAN  
**DARIPADA** : TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH SUFFIAN  
**TARIKH** : 5 OKTOBER 2021 (SELASA)  
**SOALAN** : NO.22

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan status dan tindakan yang akan dilakukan bagi membantu lepasan universiti yang kini berhadapan kesukaran mencari pekerjaan. Pasaran kerja kian mencabar akibat pandemik dan ia menuntut graduan mempersiapkan diri dengan pelbagai kemahiran terkini yang di luar bidang mereka pelajari. Apakah rancangan Kerajaan dalam usaha membantu para graduan ini supaya kehidupan mereka lebih terjamin.

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai usaha kementerian untuk membantu para graduan yang berhadapan dengan kesukaran mencari pekerjaan, dan mempersiapkan diri dengan kemahiran tambahan yang diperlukan industri, Kementerian telah melaksanakan beberapa inisiatif antaranya:

**i. Meningkatkan kolaborasi dengan Kementerian dan Agensi berkaitan.**

Kementerian menjalinkan kolaborasi bersama beberapa agensi dan kementerian lain dalam usaha untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan. Antaranya kolaborasi dalam bidang keusahawanan dengan SME Corp sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) untuk melaksanakan program *TUBE@IPT*. Sebagai permulaan, program ini melatih 160 orang graduan dan disediakan dana sebanyak RM15,000 kepada setiap peserta bagi memula dan mengembangkan perniagaan mereka sebaik sahaja menamatkan latihan. Selain itu, kementerian juga menjalinkan kolaborasi dengan Yayasan Bank Rakyat untuk melaksanakan program '*Edupreneur*' bagi memberikan latihan keusahawanan, khusus kepada 100 orang graduan daripada

keluarga Asnaf dan disediakan dana sebanyak RM2,000 untuk mereka memulakan perniagaan. Bagi tujuan padanan pekerjaan pula, kementerian telah bekerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia melalui penggunaan portal MyFutureJobs yang dikawal selia oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial Malaysia (PERKESO) dan penganjuran program Karnival Kerjaya atau 'Job Fair' secara bersama.

**ii. Membangunkan modul Pemadanan Pekerjaan (*JobMatching@GREaT*) di portal *Graduates Reference Hub for Employment and Training (GREaT)*.**

Modul ini dibangunkan sebagai modul carian dan repositori graduan bagi mengisi kekosongan jawatan-jawatan profesional atau jawatan yang memerlukan kemahiran tinggi di industri. Proses padanan dilaksanakan secara automatik oleh sistem berdasarkan kriteria pekerja yang dikunci masuk oleh industri tanpa memerlukan graduan memohon kekosongan jawatan tersebut.

**iii. Memperkasakan Program Keusahawanan**

Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi 2021 – 2025 (PTK IPT 2021 – 2025) dan *MOHE Guide To Entrepreneurship* adalah antara usaha jangka sederhana untuk menentukan pelaksanaan bentuk program yang mempunyai impak besar dalam menganjakkkan minda pelajar daripada hanya sebagai *job seeker* kepada *job creator*.

**iv. Melaksanakan program latihan berbentuk *reskilling* dan *upskilling***

Graduan IPT bagi tahun 2019, 2020 dan 2021 yang masih belum bekerja ditawarkan tempat untuk mengikuti program-program latihan berbentuk *reskilling* dan *upskilling*, contohnya inisiatif di bawah PENJANA KPT CAP. Sehingga 13 September 2021 sejumlah 7,259 graduan yang menerima latihan telah mendapat penempatan pekerjaan atau menjana pendapatan.

**v. Melaksanakan Program Intervensi Kebolehpasaran Graduan.**

Program intervensi ini memberikan nilai tambah kepada graduan yang dikenal pasti rendah kadar kebolehpasarannya, iaitu CGPA 3.3 ke bawah atau daripada program pengajian yang rendah kadar kebolehpasaran iaitu 50% ke bawah. Program ini turut menawarkan jaminan pekerjaan kepada peserta sebaik sahaja mereka menamatkan latihan. Pada tahun 2020 dan 2021, sejumlah 1,235 graduan telah mendapat penempatan pekerjaan melalui program ini.

**vi. Melaksanakan *Structured Internship Programme (SIP)*.**

SIP merupakan program penempatan pelajar untuk latihan industri secara berstruktur dan seterusnya ditawarkan penempatan di industri secara kekal sekiranya layak. Sehingga Mac 2021, sebanyak 21 industri telah menawarkan penempatan kepada 2,763 pelajar tahun akhir untuk jalani latihan industri dan mereka yang layak telah ditawarkan penempatan pekerjaan sejurus menamatkan latihan industri.

**vii. Menyemak dan menambahbaik secara berkala kandungan modul dan program akademik yang ditawarkan.**

Kementerian menekankan agar program pengajian serta kandungan kursus pengajian hendaklah sentiasa disemak secara berkala oleh institusi pengajian tinggi berkaitan. Saringan dilaksanakan bersama beberapa Jabatan dan Agensi seperti Jabatan Perkhidmatan Awam; Jabatan Perangkaan Malaysia; Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA); Talentcorp; Malaysia Investment Development Authority (MIDA), Badan Profesional dan sebagainya bagi memastikan program-program akademik atau bidang pengajian ditawarkan oleh IPT adalah sejajar dengan keperluan guna tenaga negara serta memenuhi kehendak industri.

**viii. Membangunkan Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021-2025.**

Sebagai usaha jangka sederhana untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan, kementerian telah membangunkan Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021–2025. Pelan yang dibangunkan hasil libat urus pelbagai pihak berkepentingan seperti industri, akademia, pembuat dasar dan sebagainya ini menggariskan empat strategi iaitu **Pengukuhan Kecemerlangan Bakat; Peluasan Kerjaya Pelajar; Pemantapan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP); dan Pemerksaan Hubungan Industri**. Melalui strategi-strategi ini pelaksanaan program akan lebih tersusun dan dijangkakan keberhasilannya dapat meningkatkan kebolehpasaran graduan dengan lebih berkesan dan mapan.

Sekian, terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **DATUK RAS ADIBA BINTI MOHD RADZI**  
**TARIKH** : **6 OKTOBER 2021 (RABU)**  
**SOALAN** : **NO.11**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah jurusan pengajian yang dikhususkan untuk OKU serta nyatakan usaha untuk memastikan kesemua jurusan pengajian dan infrastruktur di IPT adalah mesra dan sesuai untuk OKU.

### **JAWAPAN**

Secara umumnya, KPT telah memperluaskan peluang pendidikan dengan mewujudkan satu laluan kemasukan khas kepada orang-orang kurang upaya (OKU) di mana OKU yang akan melanjutkan pengajian ke Universiti di peringkat Sijil, Diploma, Asasi dan Ijazah Sarjana Muda di mana-mana Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) akan diberi kelonggaran ataupun ruang ini. Calon hanya perlu memenuhi syarat am dan syarat khas minima sahaja yang telah ditetapkan oleh IPTA dan ILKA yang dipilih dan disaring dalam kumpulan mereka sendiri, bergantung kepada keupayaan mereka sendiri.

Dalam hal yang berkaitan, **tiada program pengajian yang khusus untuk golongan OKU sahaja** melalui permohonan UPUOnline. Bermakna semua orang kurang upaya boleh membuat pemilihan kursus yang mereka perlukan tetapi bergantung kepada keupayaan dan kelayakan mereka sendiri. Kesemua pilihan program yang terbuka untuk calon OKU adalah tertakluk kepada syarat khas program di IPTA dan ILKA.

Secara khusus bagi calon **lepasan SPM** di Malaysia ini, terdapat lebih kurang 61 program yang boleh mereka ikuti sama ada di IPTA atau ILKA. Bagi program **lepasan STPM/setaraf** pula terdapat 215 program iaitu yang menerima semua jenis ketidakupayaan yang ditawarkan oleh pihak IPTA dan ILKA. Penelitian kepada syarat am dan syarat khas program pengajian ini adalah sangat penting kepada calon OKU

sebelum membuat permohonan masing-masing. Berdasarkan data sistem MyMoheS, KPT sehingga 30 April 2021, terdapat seramai 969 orang pelajar OKU di seluruh IPTA.

Berdasarkan bidang pengajian pula, untuk Universiti Awam, terdapat lebih kurang 304 orang pelajar yang mengikuti pengajian dalam pelbagai bidang seperti bidang Sains Sosial, Perniagaan dan Perundangan dan sebagainya. Dalam hal ini, saya mendapati IPTS juga tidak terkecuali di mana terdapat peluang-peluang yang diberikan.

Berdasarkan data enrolmen terkini, terdapat sehingga 125 pelajar OKU sedang mengikuti program dalam pelbagai bidang sehingga Jun 2021 ke IPTS di seluruh Malaysia.

Terdapat tiga strategi utama yang dibuat oleh KPT untuk pelajar kurang upaya ini. Atas keprihatinan, secara dasarnya KPT telah mewujudkan satu **Jawatankuasa Hal Ehwal Kebajikan Mahasiswa OKU**.

Yang kedua, selaras dengan itu, kita juga telah membuat satu web yang dinamakan **Projek Kerangka Kampus Inklusif Meningkatkan Kemasukan Pelajar OKU ke Universiti Awam Malaysia (MyU-OKU)** telah dibangunkan bagi tujuan berkenaan. Yang ketiga, inisiatifnya adalah, Universiti awam juga telah menyahut hasrat Kementerian dengan menubuhkan **Unit Perkhidmatan dan Sokongan Khas OKU**, yang mana pelajar-pelajar boleh melaporkan terus kepada Naib-naib Canselor di universiti masing-masing.

Sekian, terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

<b>PERTANYAAN</b>	:	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	:	<b>DATO' KESAVADAS A/L A.ACHYUTHAN NAIR</b>
<b>TARIKH</b>	:	<b>6 OKTOBER 2021 (RABU)</b>
<b>SOALAN</b>	:	<b>NO.16</b>

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangan khusus oleh Kementerian untuk menjadikan universiti-universiti awam di Negeri Sembilan sebagai kampus pendorong atau '*supporting campus*' kepada bakal lepasan SPM dan STPM 2021 dari keluarga miskin tegar di negeri itu yang tidak mencapai kelayakan minima kemasukan ke IPTA.

### JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua

Buat masa ini, kementerian belum bercadang untuk menjadikan universiti-universiti awam di Negeri Sembilan sebagai kampus pendorong atau '*supporting campus*' kepada bakal lepasan SPM dan STPM 2021 dari keluarga miskin tegar yang tidak mencapai kelayakan minima kemasukan ke IPTA. Ini disebabkan, proses pemilihan kemasukan ke IPTA / ILKA untuk program Sijil, Asasi, Diploma dan Sarjana Muda adalah berasaskan prinsip meritokrasi selaras dengan konsep keadilan dan kesaksamaan tanpa mengira kaum, agama, negeri, taraf hidup dan tempat tinggal.

Namun demikian, dalam usaha memaksimumkan akses ke pendidikan tinggi, KPT memberi keutamaan dengan menyediakan laluan khas kepada 4 kategori iaitu:

- i) Laluan Khas bagi kategori Orang Kurang Upaya (OKU)
- ii) Laluan Khas bagi kategori B40**
- iii) Laluan Khas bagi kategori Orang Asli
- iv) Laluan Khas bagi kategori Atlet Sukan

Dalam hal ini, calon hanya perlu melepasi syarat am dan syarat khas program seperti yang ditetapkan oleh IPTA/ILKA yang dipilih dan akan ditawarkan berdasarkan kesesuaian program yang dipilih dengan kelulusan IPTA, ILKA dan Senat Universiti.

Kementerian tidak mengambil ringan terhadap pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang mendapat keputusan kurang memuaskan mahupun gagal dalam peperiksaan tersebut. Kerajaan juga prihatin dalam mendukung aspirasi melahirkan masyarakat yang membudayakan ilmu dan memberi perhatian kepada kelompok pelajar ini agar tidak terus berputus asa untuk melanjutkan pelajaran dan mencipta kejayaan setanding pelajar cemerlang. Justeru, Kementerian turut berusaha mewujudkan program pengajian di bidang *Technical and Vocational Education and Training* (TVET). Pelajar lepasan SPM yang mendapat keputusan kurang memuaskan boleh membuat permohonan ke program pengajian diploma dan sijil yang berunsur TVET dan kemahiran di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) yang memerlukan kelayakan yang sangat minima.

KPT turut bekerjasama dengan empat (4) ILKA dari beberapa Kementerian lain melalui sistem permohonan UPUOnline yang ditadbir urus oleh Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA (BKPA) di bawah Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) bagi penyelarasan panduan dasar dan prosedur. Empat (4) tersebut adalah:

- a. Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS), Kementerian Belia dan Sukan (KBS);
- b. Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM), Kementerian Sumber Manusia (KSM);
- c. Bahagian Latihan Kemahiran Pertanian (BLKP), Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI); dan
- d. Majlis Amanah Rakyat (MARA)

Sekian, terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **IR.TS HAJI KHAIRIL NIZAM BIN KHIRUDIN**  
**TARIKH** : **7 OKTOBER 2021 (KHAMIS)**  
**SOALAN** : **NO.25**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan statistik berkenaan bilangan graduan daripada Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang masih belum mendapat pekerjaan.

### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Secara keseluruhannya, keluaran graduan warganegara Malaysia pada tahun 2020 adalah seramai 305,301 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 260,701 atau 85.4% graduan tersebut telah memberi respons dan mengisi soal selidik Kajian Pengesanan Graduan yang dijalankan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) pada tahun 2020.

Melalui dapatan kajian tersebut, 40,550 atau 15.6% graduan warganegara Malaysia didapati belum bekerja, dimana 16,506 adalah graduan daripada IPTA iaitu Universiti Awam, Politeknik dan Kolej Komuniti, manakala bilangan graduan IPTS yang belum bekerja pula berjumlah 17,125 orang.

Sekian, terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN** : LISAN  
**DARIPADA** : Ir.Ts Haji Khairil Nizam bin Khirudin  
**TARIKH** : 11 OKTOBER 2021 (ISNIN)  
**SOALAN** : NO. 20

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah mahasiswa yang telah menerima bantuan berbentuk alat peranti seperti laptop atau telefon pintar daripada Kementerian untuk digunakan bagi tujuan '*e-learning*' di rumah.

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

KPT amat mengambil berat dan sentiasa berusaha membantu pelajar bagi memastikan kelangsungan proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara dalam talian berjalan lancar dan tidak terjejas. Atas dasar inilah, Kementerian bersama Universiti Awam dan Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR) telah melaksanakan empat (4) inisiatif untuk membantu pelajar IPT mengikuti sesi PdP mereka secara dalam talian dengan sebaik mungkin.

Pertama, Kementerian telah menganjurkan Program *Corporate Social Responsibility* (CSR) KPT secara kolaborasi bersama empat (4) syarikat pembekal peranti iaitu PC-Soft (M) Sdn. Bhd.; Acer Sales & Services Sdn. Bhd.; Huawei Technologies (M) Sdn. Bhd.; dan Lenovo Malaysia untuk menyediakan 210 komputer riba dan 100 tablet secara percuma kepada pelajar dengan nilai keseluruhan berjumlah RM490,920. Peranti tersebut telah diserahkan ke IPT terpilih untuk diedarkan kepada pelajar yang memerlukan. Program CSR ini turut meliputi sumbangan kemudahan perkhidmatan *wifi* yang dapat membantu meningkatkan capaian internet pelajar di IPT masing-masing.

Kedua, KPT juga telah melaksanakan Program Pakej Pelan Data dan Peranti kepada Pelajar IPT dengan usaha sama rakan strategik iaitu Celcom; Maxis; Digi; TM; Acer;

Samsung dan Apple Education Store bagi mendapatkan tawaran harga dan spesifikasi istimewa pakej pelan data dan peranti. Program ini telah dilanjutkan ke Fasa 2 dengan penambahan rakan strategik iaitu Dell; Huawei Technologies (M) Sdn. Bhd.; Lenovo Malaysia dan U Mobile. Fasa 2 ini turut merangkumi penambahbaikan pakej baharu oleh syarikat Maxis dan Acer. Pakej-pakej yang telah direka khas ini boleh dilangani oleh pelajar IPT masing-masing.

Selain itu, 20 buah Universiti Awam turut mengambil inisiatif masing-masing dengan menyediakan bantuan peranti kepada golongan pelajar B40 bersasar melibatkan peruntukan sebanyak RM13 juta yang telah memanfaatkan 8,965 orang pelajar.

Kementerian dengan kerjasama Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR) pula telah menyumbang 500 unit komputer riba termasuk elaun langganan data bulanan sebanyak RM50 sehingga akhir tahun 2021 kepada pelajar Universiti Awam dalam kategori B40. Bantuan ini telah diedarkan secara berperingkat mulai Julai 2021.

Sesungguhnya, segala inisiatif dan usaha ini merupakan manifestasi kerajaan yang sentiasa prihatin kepada kebajikan pelajar untuk mengurangkan beban mereka dalam mengikuti sesi PdP secara atas talian.

Sekian, terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **IR. TS. HAJI KHAIRIL NIZAM BIN KHIRUDIN**  
**TARIKH** : **12 OKTOBER 2021 (SELASA)**  
**SOALAN** : **NO. 41**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah status pelaksanaan Majlis Konvokesyen Graduan di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang tertangguh akibat pandemik COVID-19.

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

SOP Sektor Pendidikan Tinggi telah membenarkan aktiviti pelajar secara berkumpulan dijalankan di kampus dengan pematuhan SOP. Namun demikian, penganjuran majlis-majlis rasmi di dalam kampus masih lagi tertakluk kepada SOP Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang sedang berkuatkuasa. Pada masa ini, SOP PPN Fasa 3 telah membenarkan majlis rasmi dijalankan tertakluk kepada 50% kapasiti premis dengan penjarakan fizikal. Oleh yang demikian, UA yang berada di negeri-negeri Fasa 3 dan Fasa 4 PPN tiada halangan untuk menganjurkan majlis konvokesyen di kampus masing-masing dengan pematuhan SOP. Pengurusan IPT diminta membuat perancangan yang teliti dengan mengambil kira langkah-langkah keselamatan dan pematuhan SOP yang ketat termasuk dengan memastikan semua graduan dan jemputan yang terlibat telah memenuhi syarat vaksinasi lengkap dan melepasi tempoh keberkesanan yang ditetapkan sebelum dibenarkan memasuki kampus bagi menghadiri majlis tersebut.

Sehingga 15 September 2021, kebanyakan UA telah membuat perancangan bagi melaksanakan majlis konvokesyen graduan tahun 2020 dan 2021 yang tertangguh disebabkan oleh Pandemik COVID-19. Beberapa UA telah memulakan persiapan bagi melaksanakan majlis pada November dan Disember 2021 seperti UMT, UMK, UNISZA,

UKM, USIM dan UTM, manakala selebihnya sedang membuat perancangan untuk melaksanakan majlis konvokesyen selewat-lewatnya pada suku pertama tahun 2022.

Sekian, terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH SUFFIAN**  
**TARIKH** : **13 OKTOBER 2021 (RABU)**  
**SOALAN** : **NO. 13**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian akan memberi penekanan penglibatan daripada para pelajar yang lebih tinggi kepada sektor Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

### JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

KPT sentiasa komited untuk meluaskan akses dan meningkatkan penawaran program TVET yang berkualiti di seluruh negara. Untuk makluman semua, kita telah pun menubuhkan satu badan yang dipanggil sebagai *Malaysian Technical University Network* (MTUN) yang memfokuskan TVET Aras tinggi yang menawarkan 461 program yang merangkumi semua program daripada peringkat Diploma sehingga kepada peringkat Doktor Falsafah. Tanpa mengeneipkan atau meninggalkan institusi pendidikan seperti Politeknik dan Kolej Komuniti, maka KPT juga telah memastikan Politeknik dan Kolej Komuniti di seluruh negara menawarkan sebanyak 536 program pengajian di peringkat sijil, diploma dan sarjana muda yang berkaitan dengan TVET dan dilaraskan demi menjamin kualiti melalui akreditasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) atau Lembaga Jurutera Malaysia (BEM). Program-program ini mencakupi pelbagai bidang kemahiran yang memberi penekanan kepada penglibatan pelajar.

Yang kedua, untuk memastikan kualiti-kualiti program ini sentiasa terjamin, maka program-program TVET yang ditawarkan ini dilaksanakan dan diselia dengan baik melalui beberapa usaha oleh KPT.

- i. mewujudkan **Majlis TVET Negara (MTVET)** yang merangka hala tuju pendidikan TVET negara. Majlis ini dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri sendiri yang menunjukkan keseriusan YAB Perdana Menteri berkenaan perkara ini yang terkait dengan Bab 10 Rancangan Malaysia ke-12;
- ii. Selain daripada itu, KPT juga **menubuhkan Majlis Penasihat Industri di Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK)** di seluruh negara. Majlis ini bermula dengan 14 peneraju industry yang melibatkan gabung jalin antara pihak Kementerian, pihak Politeknik, Kolej Komuniti serta pihak industri dan sehingga ke hari ini, terdapat seramai 21 peneraju industri bersama-sama dengan KPT;
- iii. Dan yang ketiga, KPT telah melaksanakan satu program yang penting iaitu program mentoring melalui **program CEO@PolyCC** yang mana 31 orang CEO daripada syarikat ternama, antaranya yang dinyatakan di sini, YBhg. Tan Sri Dato' Dr. Rozali Bin Ismail, Pengarah Eksekutif Puncak Niaga Holdings Berhad; YBhg. Tan Sri Dato' Sri Sufri Bin Hj. Mohd Zin, Presiden Master Builders Association Malaysia (MBAM) dan sebagainya terlibat di dalam program ini; dan
- iv. Yang terakhir ingin saya nyatakan kepada YB yang bertanya, Kolej Komuniti Kuching Sarawak akan dipastikan program ini diadakan secepat mungkin. Sepatutnya sudah ada tetapi disebabkan MCO ini, terpaksa dihentikan sekejap.

Sekian. Terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **IR.TS HAJI KHAIRIL NIZAM BIN KHIRUDIN**  
**TARIKH** : **13 OKTOBER 2021 (RABU)**  
**SOALAN** : **NO. 47**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah status pelaksanaan *'Student Union'* dalam Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

### **JAWAPAN**

Tan Sri Yang di-Pertua,

Berhubung dengan cadangan penubuhan Kesatuan Pelajar atau *Students' Union*, KPT sentiasa komited untuk meningkatkan keterlibatan pelajar dalam mencorak dan menentukan hala tuju pembangunan negara, berpandukan kepada peruntukan AUKU. Bagi maksud ini, Kementerian melaksanakan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan keterlibatan pelajar dalam program pembangunan, antaranya:

- i. Melaksanakan Pilihan Raya Kampus (PRK) pada setiap tahun dengan penglibatan pelajar sepenuhnya sama ada dalam pengurusan perjalanan pilihan raya mahupun sebagai calon yang bertanding;
- ii. Meletakkan kelab dan persatuan pelajar di sesebuah IPT untuk bernaung di bawah Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) bagi memperkasakan lagi peranan MPP; dan
- iii. Memberikan tanggungjawab kepada MPP untuk menguruskan kewangan bagi aktiviti pelajar; meluluskan permohonan program pelajar dan menjalankan pemantauan ke atas aktiviti kelab dan persatuan yang bernaung di bawahnya.

Untuk makluman, Universiti Sains Malaysia (USM) merupakan antara UA yang terawal mewujudkan peruntukan yang lebih terperinci bagi Kesatuan Pelajar mereka. Perlembagaan bagi Pelajar yang dinamakan sebagai Dewan Perundangan Pelajar telah diwartakan pada tahun 2011. Selain itu, MPP Universiti Malaya (UM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) juga telah dinaik taraf kepada Kesatuan Mahasiswa UM dan Kesatuan Mahasiswa UKM, masing-masing pada Mac dan Disember 2019. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pula telah menubuhkan Kesatuan Pelajar UIAM dan telah didaftarkan dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS) pada Oktober 2019.

KPT akan sentiasa mengadakan perbincangan dengan pengurusan universiti awam dari masa ke semasa dalam merealisasikan penubuhan Kesatuan-kesatuan Pelajar di universiti masing-masing. Selain itu, Kementerian turut mengadakan sesi libat urus secara berterusan bersama perwakilan pelajar bagi mendapatkan pandangan dan menilai keperluan semasa mereka. Melalui sesi sebegini, isu-isu kebajikan dan kesejahteraan pelajar dapat ditangani dengan tuntas di samping menjadi platform bagi mahasiswa mengemukakan pandangan dan hasrat mereka kepada IPT dan juga kerajaan.

Sekian. Terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **DATO' WIRA OTHMAN AZIZ**  
**TARIKH** : **14 OKTOBER 2021 (KHAMIS)**  
**SOALAN** : **NO. 12**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan kaedah dan langkah yang diambil oleh Institut Pengajian Tinggi (IPT) untuk memastikan kaedah latihan industri dalam kalangan penuntut mengekalkan kualiti latihan mengambil kira situasi semasa yang sedang berlaku di dalam negara.

### JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Dewan bahawasanya usaha-usaha yang telah dibuat oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi adalah untuk memastikan keutamaan diberikan kepada pelajar dalam soal ini. Antara keutamaan KPT adalah:

- i. membantu pihak berkuasa memutuskan rantaian jangkitan COVID-19;
- ii. memastikan pelajar-pelajar dapat menguasai ilmu dan kemahiran yang ditetapkan termasuk berkaitan amalan industri; dan
- iii. memastikan pelajar dapat menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan.

Dalam memastikan ketiga-tiga keutamaan ini, aspek kebajikan pelajar dan warga pendidikan tinggi juga sentiasa dipelihara sebaik mungkin.

Dalam situasi pandemik yang kita tidak jangka, pihak KPT telah memberi fleksibiliti kepada semua IPT berhubung latihan industri yang perlu dijalani oleh pelajar-pelajar melalui dua kaedah alternatif:

- i. simulasi dan pencerapan *online/ remote* berdasarkan aktiviti buku log LI/ praktikum; atau
- ii. kajian industri/ topikal/ projek secara dalam talian dengan input dan penyeliaan dari pengamal industri.

Ini adalah untuk memastikan kualiti kepada pelajar akan tetap diberikan walaupun sedang menghadapi pandemik COVID-19.

Sekian, terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **DR. NUING JELUING**  
**TARIKH** : **14 OKTOBER 2021 (KHAMIS)**  
**SOALAN** : **NO.18**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah perkembangan mengenai usaha yang telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian bagi memastikan mobiliti graduan meneroka peluang dan pengalaman pekerjaan di negara lain seperti negara-negara ASEAN.

### JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Salah satu inisiatif di bawah strategi pertama, Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021-2025, Pengukuhan Kecemerlangan Bakat ialah menggalakkan penerokaan pekerjaan berkualiti tinggi dan mobiliti graduan. Menerusi inisiatif ini, aktiviti penerokaan peluang pekerjaan di Syarikat Multi Nasional atau *Multi Nasional Corporation* (MNC) dan pasaran pekerjaan di luar negara akan digiatkan dalam tempoh 5 tahun akan datang bagi meningkatkan peluang graduan IPT tempatan untuk mengisi kekosongan perjawatan.

KPT telah menggerakkan inisiatif awal menerusi perbincangan dengan Persatuan Perdagangan dan Industri atau *Chambers of Commerce* beberapa buah negara seperti British Malaysian Chamber of Commerce; Malaysian German Chamber of Commerce and Industry; Trade Commissioner, High Commission of Canada to Malaysia; Malaysian French Chamber of Commerce and Industry; dan American Malaysian Chamber of Commerce, untuk meneroka peluang penempatan graduan IPT tempatan di Syarikat-syarikat Multi Nasional yang berdaftar di bawah Persatuan Perdagangan dan Industri negara berkenaan menerusi pelaksanaan program PENJANA KPT-CAP (Career Advancement Program).

Sekiranya perbincangan ini dapat dimuktamadkan, latihan kemahiran tambahan akan diberikan kepada graduan IPT tempatan berdasarkan keperluan syarikat dan ditempatkan di syarikat-syarikat tersebut sebaik sahaja mereka berjaya menamatkan latihan serta memenuhi syarat yang ditetapkan sekurang-kurangnya untuk tempoh minima 12 bulan.

Selain itu, KPT turut berkolaborasi dengan *TalentCorp*, sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia untuk melaksanakan program mobiliti bakat '*MyAsean Internship*' dalam usaha untuk memberi pendedahan global serta meneroka peluang latihan industri dan pekerjaan untuk graduan IPT tempatan di Syarikat-syarikat Multi Nasional dan pasaran pekerjaan luar negara.

Sekian, terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **DR. AHMAD AZAM BIN HAMZAH**  
**TARIKH** : **18 OKTOBER 2021 (ISNIN)**  
**SOALAN** : **NO. 19**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bagaimanakah prestasi mahasiswa sepanjang pengajian dijalankan secara maya.

### **JAWAPAN:**

Tan Sri Yang di-Pertua,

Seiring dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia bagi membendung penularan wabak COVID-19 sejak tahun 2020, kaedah Pembelajaran dan Pengajaran Dalam Talian (PdPDT) atau secara maya merupakan suatu keperluan dan telah dilaksanakan oleh semua IPT. Dalam keadaan pandemik, prestasi pelajar diukur melalui pencapaian penilaian dan pentaksiran serta penglibatan dalam aktiviti kokurikulum yang dijalankan secara dalam talian. Selain itu, pelbagai kaedah penilaian juga dilaksanakan mengikut kesesuaian kursus seperti melalui tugasan, peperiksaan dalam talian dan penilaian-penilaian dalam talian lain yang dianggap sesuai oleh ketua program bagi memastikan Hasil Pembelajaran Kursus (CLO) tercapai.

Pelaksanaan PdPDT di Institut Pendidikan Tinggi (IPT) turut menggunakan sidang video secara langsung bersama-sama pensyarah melalui aplikasi seperti *BigBlueButton*, *Microsoft Teams*, *Cisco Webex* dan *Google Meet* serta perkongsian maklumat melalui platform komunikasi dan media sosial. Dalam masa yang sama, penggunaan sumber bahan digital seperti video pengajaran dan pembelajaran, nota pengajaran dan latihan yang telah disediakan oleh pensyarah melalui aplikasi seperti Sistem Pengurusan Pembelajaran (LMS), *Google Classroom*, video repositori, video rakaman, serta aplikasi secara dalam talian yang bersesuaian seperti kuiz, forum, aplikasi pembelajaran berasaskan web, platform komunikasi dan media sosial turut membantu pelajar

meneruskan pembelajaran sepanjang tempoh pandemik. Pendekatan-pendekatan ini dilaksanakan dengan mengambil kira cabaran yang dihadapi pelajar untuk mendapatkan akses kepada internet selain bertujuan mencapai objektif pembelajaran yang telah ditetapkan dalam kurikulum bagi mencapai standard kualiti akreditasi.

Sementara itu, sepanjang tempoh pembelajaran secara maya ini, pensyarah IPT juga perlu menyediakan laporan Pencapaian Analisis Hasil Pembelajaran Kursus terhadap pencapaian pelajar. Melalui laporan ini, pensyarah perlu memberikan pandangan dan cadangan penambahbaikan termasuk kaedah PdP dan pentaksiran dalam talian yang bersesuaian sekiranya diperlukan.

Dalam masa yang sama, keterlibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum secara dalam talian turut digalakkan sama ada di peringkat universiti atau kebangsaan seperti penyertaan pelajar dalam Pertandingan Pidato Secara Dalam Talian, Pertandingan e-SULAM Innovate dan sebagainya. Justeru, prestasi pembelajaran dan pencapaian pelajar sepanjang PdPDT adalah diteruskan seperti sebelum ini.

Melalui kesemua pelaksanaan yang dinyatakan secara serentak dan berterusan, prestasi pelajar sepanjang tempoh pembelajaran secara maya juga adalah sangat memuaskan dan berada dalam kualiti yang setara dengan pembelajaran secara bersemuka.

Sekian, terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH SUFFIAN**  
**TARIKH** : **18 OKTOBER 2021 (ISNIN)**  
**SOALAN** : **NO. 29**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian dalam pembangunan '*soft-skills*' untuk memastikan para graduan kita lebih holistik dan sedia bekerja.

### JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Bagi memastikan graduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) lebih holistik dan sedia bekerja, Kementerian telah melaksanakan beberapa inisiatif. Antaranya termasuklah:

- i. Melaksanakan program latihan berbentuk *reskilling* dan *upskilling***  
Melalui usaha ini graduan Universiti Awam, IPTS, Politeknik serta Kolej Komuniti bagi tahun 2019, 2020 dan 2021 yang masih belum bekerja ditawarkan tempat untuk mengikuti program-program latihan berbentuk *reskilling* dan *upskilling*, contohnya inisiatif di bawah PENJANA KPT-CAP. Menerusi inisiatif ini, peserta mendapat jaminan penempatan pekerjaan sebaik sahaja mereka menamatkan sekurang-kurangnya 12 bulan latihan sekiranya memenuhi kriteria dan syarat yang telah ditetapkan. Sehingga 17 Oktober 2021, sejumlah 9,630 graduan telah menerima latihan dan mendapat penempatan pekerjaan atau menjana pendapatan sendiri melalui program ini.
- ii. Melaksanakan Program Intervensi Kebolehpasaran Graduan (GE)**  
Program ini bertujuan untuk memberikan nilai tambah kepada graduan yang dikenal pasti rendah kadar kebolehpasarannya, iaitu mempunyai CGPA 3.3 ke bawah atau graduan daripada program-program pengajian yang rendah kadar

kebolehpasaran, iaitu 50 peratus ke bawah. Program intervensi ini menawarkan jaminan pekerjaan kepada peserta sebaik sahaja mereka menamatkan latihan melalui kolaborasi strategik bersama penyedia perkhidmatan dan agensi-agensi tertentu. Pada tahun 2020 dan 2021, sejumlah 1,235 graduan telah mendapat penempatan pekerjaan melalui program ini.

**iii. Melaksanakan *Structured Internship Programme (SIP)***

SIP merupakan program penempatan pelajar untuk latihan industri secara berstruktur. Pada akhir latihan industri, pelajar akan ditawarkan penempatan di industri secara kekal sekiranya layak. Sehingga Oktober 2021, sebanyak 21 industri telah menawarkan penempatan latihan industri kepada 2,879 pelajar tahun akhir.

**iv. Menyemak dan menambah baik secara berkala kandungan modul dan program akademik yang ditawarkan**

Kementerian sentiasa memberikan penekanan agar program serta kandungan kursus pengajian disemak secara berkala oleh semua Institusi Pengajian Tinggi. Selain itu, saringan turut dilaksanakan bersama-sama beberapa Jabatan dan Agensi seperti Jabatan Perkhidmatan Awam; Jabatan Perangkaan Malaysia; Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA); Talentcorp; *Malaysia Investment Development Authority (MIDA)*, Badan Profesional dan sebagainya bagi memastikan program-program akademik atau bidang pengajian yang ditawarkan oleh IPT adalah sejajar dengan keperluan guna tenaga negara dalam memastikan para graduan lebih holistik dan sedia bekerja.

**v. Membangunkan Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021 – 2025**

Sebagai usaha jangka sederhana untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan, kementerian telah melancarkan Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021 – 2025 pada 16 Oktober 2021. Pelan yang dibangunkan ini adalah hasil libat urus pelbagai pihak berkepentingan seperti industri, akademia, pembuat dasar dan sebagainya yang menggariskan empat strategi, iaitu Pengukuhan Kecemerlangan Bakat; Peluasan Kerjaya Pelajar; Pemantapan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP); dan Pemerkasaan Hubungan Industri. Melalui strategi-strategi ini, pelaksanaan program peningkatan kebolehpasaran graduan akan lebih tersusun dan dijangkakan keberhasilannya dapat melahirkan graduan yang lebih holistik, berdaya saing tinggi dan mapan.

Sekian, terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **TUAN ROBERT LAU HUI YEW**  
**TARIKH** : **20 OKTOBER 2021 (RABU)**  
**SOALAN** : **NO.41**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai rancangan untuk menjadikan Kampus Universiti Putra Malaysia di Bintulu sebagai sebuah Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan memulangkan tumpuan pengajiannya kepada aspek asalnya, iaitu pertanian.

### JAWAPAN:

Tan Sri Yang di-Pertua,

Universiti Putra Malaysia (UPM), Kampus Bintulu, Sarawak (yang dahulunya dikenali sebagai Universiti Pertanian Malaysia) telah ditubuhkan secara rasmi sebagai Kampus No. 2 melalui Perintah Universiti Pertanian Malaysia (Kampus) (No. 2) 1987 [P.U. (A) 311] pada 27 Ogos 1987. Terdapat tiga pusat pengajian di kampus ini, iaitu Institut Sains Gunaan; Institut Sains Asasi; serta Institut Sains Sosial dan Pengurusan.

Pada 1 September 1992, UPM Kampus Bintulu (UPMKB) telah ditutup bagi memberikan laluan kepada penubuhan sebuah universiti di Sarawak, iaitu Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Walau bagaimanapun, pada 24 Oktober 2001, Jemaah Menteri melalui Memorandum Menteri Pendidikan No. 661/2294/2001 telah bersetuju untuk menggerakkan semula UPMKB. Sehubungan dengan itu, UPMKB telah beroperasi semula pada tahun 2001 dengan dua buah fakulti, iaitu Fakulti Sains Pertanian dan Makanan; dan Fakulti Sains Sosial dan Pengurusan. Beberapa langkah pembaharuan turut telah dilaksanakan bagi memastikan pengoperasian semula UPMKB kekal relevan selaras dengan saranan Lembaga Pengarah Universiti Putra Malaysia.

Menerusi pelaksanaan rekayasa UPMKB, Fakulti Sains Pertanian dan Makanan telah dipecahkan kepada dua fakulti, iaitu Fakulti Sains, Pertanian dan Teknologi (FSPT), dan Fakulti Sains Sosial dan Pengurusan (FSPP). Pada masa yang sama, Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Ekosistem Sains Borneo dinaik taraf menjadi Institut Ekosains Borneo. Seterusnya, Lembaga Pengarah Universiti dalam mesyuaratnya yang ke-144 pada 8 Julai 2020 bersetuju supaya kedua-dua fakulti ini distrukturkan semula menjadi Fakulti Sains Pertanian dan Perhutanan, dan Fakulti Kemanusiaan, Sains dan Pengurusan.

Dalam hubungan ini juga, UPM turut mempunyai perancangan untuk memperkasakan lagi UPMKB tanpa mengetepikan fokusnya dalam bidang pertanian. Misalnya, program pengajian yang berteraskan pertanian dan sains yang berkaitan, yang dikenali sebagai Agribio masih ditawarkan di UPMKB. Suka saya kongsi di sini bahawa daripada 14 program prasiswazah di peringkat bachelo dan diploma yang ditawarkan, 10 program atau 70.0% daripadanya merupakan program Agribio. Bilangan program prasiswazah yang ditawarkan oleh UPMKB juga telah bertambah kepada lima bachelo dan sembilan diploma berbanding satu bachelo dan tujuh diploma. Selain itu, program pascasiswazah juga telah diperkukuh dengan penawaran 50 bidang pengajian secara penyelidikan di peringkat Master dan PhD di UPMKB.

Melangkah ke hadapan, UPM turut merancang untuk menawarkan program-program baharu bagi memperkasakan kedua-dua fakulti ini pada masa hadapan. Ini dijangka akan menjadikan UPMKB lebih menyeluruh di samping menyokong perkembangan pengajian di peringkat prasiswazah. Jadinya, UPM Kampus Bintulu akan terus menjadi sebahagian daripada perancangan masa hadapan UPM.

Untuk makluman ahli dewan juga, satu Kursi telah berjaya ditubuhkan yang menyaksikan pelantikan Prof. Jayum anak Jawan sebagai penyandang Kursi Tan Sri Empiang dari Sarakup Indu Dayak Sarawak (SIDS). Pelantikan ini berkuat kuasa mulai 1 November 2019 sehingga 1 November 2022, iaitu selama tiga tahun.

Tan Sri Yang di-Pertua,

Merujuk kepada persoalan untuk menjadikan kampus UPM di Bintulu sebagai sebuah Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Kementerian belum ada cadangan untuk menambah sebarang universiti awam dalam jangka masa terdekat. Hal ini demikian kerana penubuhan sesebuah universiti awam memberikan implikasi kewangan yang agak tinggi kepada Kerajaan, khususnya dari aspek pembiayaan pembinaan kampus dan pertambahan emolumen perjawatan baharu. Selain itu, buat masa ini, jumlah universiti

awam yang sedia ada adalah mencukupi bagi menampung penghasilan graduan untuk keperluan negara.

Justeru, komitmen Kerajaan buat masa ini adalah tertumpu kepada menambah baik fasiliti dan infrastruktur IPTA yang sedia ada melibatkan 20 buah universiti awam, 36 buah politeknik dan 104 buah kolej komuniti agar akses pendidikan tinggi yang terbaik dapat dicapai oleh rakyat.

Sekian, terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **DATUK BOBBEY AHFANG BIN SUAN**  
**TARIKH** : **25 OKTOBER 2021 (ISNIN)**  
**SOALAN** : **NO. 1**

minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bilakah universiti awam dan swasta dapat dibuka semula bagi memberi ruang kepada golongan siswa dan siswi melanjutkan pengajian secara langsung seperti biasa dan apakah usaha Kementerian dalam memastikan semua kakitangan Universiti, pensyarah dan para pelajar dapat divaksin secara total dan mematuhi SOP yang sepatutnya.

### JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Untuk makluman, sebenarnya pihak Kementerian Pengajian Tinggi melaksanakan program kemasukan pelajar dalam tiga fasa keseluruhannya. Pertama ialah fasa pertama dikatakan fasa libat urus. Fasa kedua, fasa pembuatan keputusan dan fasa ketiga ialah fasa pelaksanaan. Saya terangkan dahulu dengan fasa libat urus. Ini fasa pertama yang mana pihak Kementerian Pengajian Tinggi telah melibatkan beberapa perbincangan dengan pihak berkepentingan seperti pengurusan tertinggi universiti awam sendiri, institusi pendidikan tinggi swasta, politeknik dan kolej komuniti serta kepimpinan mahasiswa.

Dalam konteks yang kedua pula, pihak Kementerian Pengajian Tinggi juga telah pun berbincang dengan institusi-institusi yang bukan daripada pendidikan seperti antara contohnya, dengan pihak wakil kerajaan negeri, Kementerian Kesihatan Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Kementerian Sains dan Teknologi (MOSTI) dan juga syarikat-syarikat penyedia perkhidmatan penerbangan untuk memastikan proses kemasukan pelajar dapat diurus selia dengan baik dan lancar.

Dalam konteks ini selepas habis fasa pertama iaitu sub fasa libat urus, maka pihak Kementerian Pengajian Tinggi telah pun membuat satu mesyuarat melalui satu Sidang Khas MKN yang bertarikh 2 September 2021, yang mana segala input ini dibawa oleh Kementerian Pengajian Tinggi ke Sidang Khas MKN ini untuk mendapatkan kelulusan bagi membenarkan pelajar-pelajar memasuki universiti.

Akhirnya, pada 2 September 2021, pihak Sidang Khas MKN ini telah bersetuju untuk pelaksanaan fasa pembukaan kampus secara berperingkat dan ia dibenarkan. Apabila masuk fasa ketiga iaitu fasa pelaksanaan, makanya secara fizikal pelajar-pelajar dibenarkan untuk memasuki universiti masing-masing bermula pada 15 Oktober 2021.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator dan juga Ahli Yang Berhormat sekalian, kita dapati bahawasanya di pihak Kementerian Pengajian Tinggi dan pihak kementerian kita memastikan urus tadbir ini berlaku dengan baik supaya tidak berlaku sebarang permasalahan. Maka sebuah bilik gerakan khas induk telah pun dibuka di Kementerian Pengajian Tinggi, yang mana bilik gerakan ini berkomunikasi langsung dengan bilik gerakan di setiap universiti awam yang ada dalam negara kita.

Sekian, terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN** : LISAN  
**DARIPADA** : PUAN FADLINA BINTI DATO' SIDEK  
**TARIKH** : 25 OKTOBER 2021 (ISNIN)  
**SOALAN** : NO. 33

minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan statistik jumlah mahasiswa dalam kalangan keluarga B40 yang tidak tamat pengajian di Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta akibat COVID-19 sejak 2019 hingga kini.

### JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian amat peka terhadap kebajikan pelajar di Institut Pengajian Tinggi (IPT) sepanjang tempoh pandemik COVID-19 terutamanya isu kebajikan melibatkan pelajar dari golongan B40. Merujuk kepada data tiga tahun terkini daripada Universiti Awam (UA), bilangan pelajar B40 yang tidak meneruskan pengajian adalah seramai 457 orang iaitu 0.08% daripada jumlah enrolmen pelajar pada tahun 2019; 860 orang iaitu 0.15% daripada jumlah enrolmen pelajar pada tahun 2020; dan 754 orang iaitu 0.14% daripada jumlah enrolmen pelajar pada tahun 2021.

Sekian, terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **DATO' SRI VELL PAARI A/L TUN SAMY VELLU**  
**TARIKH** : **26 OKTOBER 2021 (SELASA)**  
**SOALAN** : **NO. 11**

**Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapakah bilangan pelajar universiti awam yang tidak dapat meneruskan pengajian di IPT akibat masalah kewangan dan apakah langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk membantu pelajar-pelajar ini.

### **JAWAPAN:**

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kementerian amat peka terhadap kebajikan pelajar di Institut Pengajian Tinggi (IPT) sepanjang tempoh pandemik COVID-19 terutamanya isu kebajikan melibatkan pelajar dari golongan B40. Untuk makluman YB Senator Dato' Sri Vell Paari, daripada rekod di Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), pelajar universiti yang tak dapat meneruskan pengajian akibat masalah kewangan pada tahun 2021 adalah pada kadar sebanyak hanya 0.4% iaitu meliputi seramai 2,046 orang sahaja daripada keseluruhan enrolmen pelajar iaitu sebanyak 555,340 orang. Daripada rekod KPT, ini menunjukkan berlaku penurunan 0.2% daripada tahun 2020. Ini bermakna isu pelajar yang tidak dapat meneruskan pengajian akibat masalah kewangan bukanlah satu masalah yang agak membebankan atau besar dalam konteks pengajian tinggi.

Dalam konteks untuk memastikan bahawasanya masalah ini tidak berterusan, maka pihak KPT telahpun melaksanakan beberapa inisiatif. Di antaranya yang pertama, ialah KPT melalui #KPTPrihatin, telah membantu pelajar dengan memberi pengurangan yuran sebanyak 15% dan dilaksanakan oleh semua Universiti Awam (UA) bagi Semester Kedua Sesi Akademik 2019/2020 sehingga Semester Kedua Sesi Akademik 2020/2021.

Tetapi, yang terbaru apabila pelajar mula melanjutkan pelajaran pada 15 Oktober 2021, maka pengurangan yuran sebanyak 20% lagi diberikan kepada semua pelajar-pelajar warganegara Malaysia bagi Semester Pertama Sesi Akademik 2021/2022 di semua UA. Ini menunjukkan kecaknaan Kementerian terhadap isu kebajikan pelajar.

Yang kedua, kita juga telah melaksanakan kerjasama strategik dengan beberapa agensi yang berkaitan. Di antaranya ialah, Universiti Awam melaksanakan program-program seperti dengan Agensi Zakat; sebagai contoh Universiti Putra Malaysia mempunyai program WAZAN (Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen) telah menyalurkan bantuan dari tahun 2020 hingga 2021 berjumlah RM5.9 juta yang dapat memberi manfaat kepada 11,478 orang pelajar. Yang baiknya, KPT ingin tekankan di sini bantuan ini bukan hanya terhad kepada pelajar Islam semata-mata tetapi untuk pelajar-pelajar yang bukan Islam juga tidak dipinggirkan. Justeru itu, KPT menyeru kepada semua pelajar-pelajar tidak kira bangsa dan agama untuk menghubungi Bahagian Hal Ehwal Universiti masing-masing apabila mengalami masalah kewangan dan KPT sedia membantu.

Dan yang kedua, sebagai contoh di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) juga mempunyai satu program WEZAS yang sama dengan program di UPM, di mana KPT membantu semua pelajar tanpa mengira kaum atau agama dan juga keturunan.

Sekian, terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **DR. AHMAD AZAM BIN HAMZAH**  
**TARIKH** : **26 OKTOBER 2021 (SELASA)**  
**SOALAN** : **NO.18**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapakah nilai ambang vaksinasi mahasiswa bagi membolehkan universiti dibuka semula.

### **JAWAPAN**

Tan Sri Yang di-Pertua,

Selari dengan perutusan khas YAB Perdana Menteri pada 22 Ogos 2021 yang lalu bahawa pelajar boleh mula pulang ke Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) apabila telah lengkap vaksinasi, Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) pada 2 September telah bersetuju untuk membenarkan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melaksanakan Pembukaan Kampus IPT secara berperingkat mulai 15 Oktober 2021 mengikut kalendar akademik IPT masing-masing **tertakluk kepada pelajar telah lengkap dos vaksin dan melepasi tempoh matang vaksinasi.**

Bagi tujuan ini, KPT mensasarkan 100% pelajar IPT yang boleh divaksin akan mendapatkan vaksin lengkap sebelum 30 November 2021. Langkah ini bagi memastikan semua pelajar IPT memenuhi syarat vaksinasi untuk dipertimbangkan balik ke kampus secara berperingkat bermula bulan Oktober 2021 ini.

Bagi mencapai sasaran tersebut, KPT dengan kerjasama Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF) telah mempergiatkan program vaksinasi warga IPT melalui Program VACC2CAMPUS. Program ini merupakan satu langkah strategik KPT untuk memastikan semua warga IPT yang memasuki kampus telah menerima vaksin lengkap terlebih

dahulu bagi membentuk *herd immunity* di IPT. Program ini bukan sahaja disediakan untuk meningkatkan kadar vaksinasi pelajar, malah turut melibatkan vaksinasi warga IPT lain termasuk staf akademik dan bukan akademik serta kakitangan luar yang memberikan perkhidmatan di kampus seperti pekerja kafeteria, dobi, bank dan sebagainya.

Kementerian turut menghargai keputusan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk memberikan akses secara *walk-in* kepada pelajar dan kakitangan IPT di mana-mana Pusat Pemberian Vaksin (PPV) bermula 9 September 2021 bagi memastikan keseluruhan warga IPT divaksinasi sepenuhnya sebelum pulang ke kampus.

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 17 Oktober 2021, seramai 84% atau 959,917 daripada 1.15 juta orang pelajar IPT secara keseluruhan telah menerima dos lengkap vaksinasi. Manakala bagi kakitangan IPT, data sehingga 17 Oktober 2021 menunjukkan seramai 120,187 orang atau 92% telah menerima dos lengkap vaksinasi.

Kementerian akan memastikan agar setiap IPT dapat mengambil tindakan sewajarnya dalam merebut peluang ini untuk membolehkan warga pelajar dan kakitangan IPT dapat divaksinasi sepenuhnya bagi membentuk imuniti kelompok di dalam kampus IPT masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA DEWAN NEGARA  
TAHUN 2021**

**JAWAPAN BAGI PERTANYAAN  
BUKAN LISAN**

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN** : **BUKAN LISAN**  
**DARIPADA** : **DATO' WIRA OTHMAN BIN AZIZ**  
**SOALAN** : **NO. 2**

minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bilangan graduan yang dihasilkan oleh IPT Awam bagi Tahun 2019 dan 2020 mengikut IPT. Apakah langkah yang diambil oleh Kementerian bagi memastikan kebolehpasaran graduan terutama sekali di sektor swasta.

### JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Berdasarkan Kajian Pengesanan Graduan yang dijalankan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) pada tahun 2020, seramai 318,593 graduan telah dihasilkan secara keseluruhannya oleh semua institusi pendidikan di bawah KPT pada tahun 2020. Daripada jumlah tersebut, seramai 127,334 graduan iaitu 40 peratus dihasilkan daripada Universiti Awam (UA), 110,797 graduan iaitu 34.8 peratus dihasilkan daripada Institusi Pendidikan Swasta (IPSS) dan baki 80,462 graduan iaitu 25.2 peratus lagi dihasilkan daripada institusi-institusi pendidikan lain.

Jadual 1 di bawah menunjukkan maklumat terperinci bagi perbezaan **bilangan graduan yang dihasilkan oleh IPT Awam mengikut IPT bagi tahun 2019 dan 2020.**

Jadual 1: Bilangan Graduan mengikut jenis IPT, 2019 – 2020

JENIS IPT	TAHUN			
	2019		2020	
	Bil.	%	Bil.	%
Universiti Awam	129,700	37.4	127,334	40.0
Institusi Pendidikan Tinggi Swasta	128,392	37.0	110,797	34.8
Politeknik	29,127	8.4	28,532	9.0
Kolej Komuniti	11,150	3.2	6,939	2.2
Institusi Latihan Kemahiran Awam, Kementerian Sumber Manusia	7,214	2.1	5,995	1.9
Institut Latihan Kemahiran Belia dan Sukan, Kementerian Belia dan Sukan	3,445	1.0	3,286	1.0
Institusi Latihan Kemahiran Awam Pertanian, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan	1,085	0.3	898	0.3
Institusi Latihan Kemahiran Awam, Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya Malaysia	79	0.0	64	0.0
Kolej Vokasional, Kementerian Pendidikan Malaysia	14,063	4.1	11,878	3.7
Institusi Latihan Kemahiran Awam, Kementerian Pembangunan Luar Bandar	19,051	5.5	20,134	6.3
Institusi Latihan Kemahiran Awam, Kementerian Kerja Raya	820	0.2	929	0.3
IPT lain di bawah pelbagai Kementerian	2,560	0.7	1,807	0.6
<b>Jumlah Besar</b>	<b>346,686</b>	<b>100</b>	<b>318,593</b>	<b>100</b>

Selain itu, bagi memastikan kebolehpasaran graduan, pelbagai langkah telah diambil oleh Kementerian sebagai usaha untuk meningkatkan daya saing graduan di pasaran pekerjaan melalui pelaksanaan beberapa langkah seperti berikut:

**i. Melaksanakan program latihan berbentuk reskilling dan upskilling**

Melalui usaha ini graduan Universiti Awam, IPTS, Politeknik serta Kolej Komuniti bagi tahun 2019, 2020 dan 2021 yang masih belum bekerja ditawarkan tempat untuk mengikuti program-program latihan berbentuk reskilling dan upskilling, contohnya inisiatif di bawah PENJANA KPT-CAP. Menerusi inisiatif ini, peserta mendapat jaminan penempatan pekerjaan sebaik sahaja mereka menamatkan sekurang-kurangnya 12 bulan latihan sekiranya memenuhi kriteria dan syarat yang telah ditetapkan. Sehingga 17 Oktober 2021, sejumlah 9,630 graduan telah menerima latihan dan mendapat penempatan pekerjaan atau menjana pendapatan sendiri melalui program ini.

**ii. Melaksanakan Program Intervensi Kebolehpasaran Graduan (GE).**

Program intervensi ini memberikan nilai tambah kepada graduan yang dikenal pasti rendah kadar kebolehpasarannya iaitu CGPA 3.3 ke bawah atau daripada program-program pengajian yang rendah kadar kebolehpasaran iaitu 50% ke bawah. Program ini turut menawarkan jaminan pekerjaan kepada peserta sebaik sahaja mereka menamatkan latihan yang dilaksanakan secara kolaborasi strategik bersama penyedia perkhidmatan dan agensi-agensi tertentu. Pada tahun 2020 dan 2021, sejumlah 1,235 graduan telah mendapat penempatan pekerjaan melalui program ini.

**iii. Melaksanakan Structured Internship Programme (SIP).**

SIP merupakan program penempatan pelajar untuk latihan industri secara berstruktur. Pada akhir latihan industri, pelajar akan ditawarkan penempatan di industri secara kekal sekiranya layak. Sehingga Oktober 2021, sebanyak 21 industri telah menawarkan penempatan latihan industri kepada 2,879 pelajar tahun akhir.

**iv. Menyemak dan menambahbaik secara berkala kandungan modul dan program akademik yang ditawarkan.**

Kementerian menekankan agar program pengajian serta kandungan kursus pengajian hendaklah sentiasa disemak secara berkala oleh institusi pengajian tinggi berkaitan. Saringan dilaksanakan bersama beberapa Jabatan dan Agensi

seperti Jabatan Perkhidmatan Awam; Jabatan Perangkaan Malaysia; Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA); Talentcorp; Malaysia Investment Development Authority (MIDA), Badan Profesional dan sebagainya bagi memastikan program-program akademik atau bidang pengajian ditawarkan oleh IPT adalah sejajar dengan keperluan guna tenaga negara serta memenuhi kehendak industri.

**v. Membangunkan Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021- 2025.**

Sebagai usaha jangka sederhana untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan, kementerian telah melancarkan Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021 – 2025 pada 16 Oktober 2021. Pelan yang dibangunkan ini adalah hasil libat urus pelbagai pihak berkepentingan seperti industri, akademia, pembuat dasar dan sebagainya yang menggariskan empat strategi, iaitu Pengukuhan Kecemerlangan Bakat; Peluasan Kerjaya Pelajar; Pemantapan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP); dan Pemerksaan Hubungan Industri. Melalui strategi-strategi ini, pelaksanaan program peningkatan kebolehpasaran graduan akan lebih tersusun dan dijangkakan keberhasilannya dapat melahirkan graduan yang lebih holistik, berdaya saing tinggi dan mapan.

Sekian, terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN** : **BUKAN LISAN**  
**DARIPADA** : **DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK CHEE**  
**SOALAN** : **NO. 6**

minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah pelajar yang telah diberikan penempatan pengajian tinggi ijazah sarjana muda sepenuh masa di peringkat IPTA bagi pengambilan September/Oktober sesi 2020/22, jelaskan secara terperinci mengikut permohonan dan penawaran berdasarkan kaum, jantina, wilayah, kategori lepasan SPM/STPM/STAM/Matrikulasi/Asasi dan sebagainya.

### JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dalam pelaksanaan proses pemilihan bagi tujuan kemasukan dan penempatan pelajar ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA), Kementerian mengamalkan prinsip meritokrasi di mana semua calon yang layak dengan markah merit tertinggi tanpa mengira kaum, agama, negeri, taraf hidup dan tempat tinggal diberi peluang untuk mengikuti pengajian. Oleh itu, kejayaan calon untuk memperoleh tempat di IPTA dan ILKA adalah bergantung kepada susunan merit dan pemilihan program pengajian yang dimohon serta bilangan tempat yang disediakan oleh IPTA/ ILKA.

Dalam hal ini, jumlah keseluruhan permohonan bagi lepasan STPM/Setaraf yang terdiri dari pelajar lepasan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), Matrikulasi, Asasi dan Diploma bagi Sesi Akademik 2021/2022 adalah seramai 119,224 orang. Daripada jumlah keseluruhan permohonan tersebut, seramai 88,198 jumlah pelajar telah melepasi syarat am dan khas permohonan ke Universiti Awam (UA). Daripada jumlah pelajar yang telah melepasi syarat pula, seramai 64,211 orang pelajar (tawaran perdana) telah berjaya ditawarkan ke Program Pengajian Ijazah Sarjana Muda di Universiti Awam (UA).

Secara amnya, terdapat peningkatan sebanyak 20% bagi permohonan ke IPTA dan ILKA pada sesi Akademik tahun 2021/2022 untuk program pengajian lepasan SPM iaitu peringkat Diploma, Matrikulasi, Asasi dan Sijil berbanding sesi Akademik 2020/2021 sebelum ini. Daripada jumlah keseluruhan 259,566 permohonan sesi Akademik 2021/2022, seramai 257,871 permohonan adalah memenuhi kelayakan yang ditetapkan. Daripada jumlah tersebut, seramai 141,390 permohonan berjaya ditawarkan tempat di IPTA dan ILKA dengan peratus kejayaan sebanyak 54.83%.

Sekian, terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN** : **BUKAN LISAN**  
**DARIPADA** : **TUAN AKNAN EHTOOK**  
**SOALAN** : **NO. 9**

minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bilangan pelajar keturunan Siam bagi setiap universiti awam mengikut tahun pengajian untuk tempoh 2016-2020. Apakah punca trend ini berlaku.

### JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Berdasarkan Sistem MyMoheS, Kementerian Pengajian Tinggi sehingga 30 April 2021, seramai 576 orang pelajar berketurunan Siam telah mengikuti pengajian di Universiti Awam pada tahun 2021 berbanding 615 orang pelajar pada tahun 2020. Jumlah ini berkurang sebanyak 6.3 peratus pada tahun 2021 berbanding tahun sebelumnya. Secara kasarnya, trend bilangan pelajar ini tidak menunjukkan banyak perbezaan dengan anggaran pelajar yang mengikuti pengajian adalah melebihi 550 orang secara konsisten sejak dari tahun 2016 lagi.

Berdasarkan Jadual 1, pada tahun 2021, Universiti Utara Malaysia (UUM) mempunyai paling ramai pelajar berketurunan Siam (120 orang) yang sedang mengikuti pengajian di Universiti Awam manakala Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) mempunyai paling sedikit pelajar berketurunan Siam (5 orang setiap Universiti) sedang mengikuti pengajian.

**Jadual 1: Enrolmen Pelajar Keturunan Siam (Warganegara) mengikut universiti awam (UA) tahun 2016 hingga 2021**

UA	TAHUN					
	2016	2017	2018	2019	2020	2021
UM	21	29	40	51	50	46
USM	121	125	127	113	117	113
UKM	21	32	42	43	40	30
UPM	22	20	21	20	21	20
UTM	22	21	22	16	22	20
UUM	80	102	104	118	121	120
UIAM	2	1	3	5	8	8
UNIMAS	11	6	7	5	7	6
UMS	14	13	12	13	10	10
UPSI	34	37	24	18	13	14
UiTM	8	5	-	-	7	7
UnisZA	16	15	13	9	5	5
UMT	18	13	10	12	18	17
USIM	4	6	9	12	12	12
UTHM	37	33	31	33	22	23
UTeM	12	13	14	16	17	15
UMP	27	26	25	22	21	21
UNIMAP	70	55	63	59	66	65
UMK	8	10	15	16	33	19
UPNM	4	4	5	6	5	5
<b>Jumlah</b>	<b>552</b>	<b>566</b>	<b>587</b>	<b>587</b>	<b>615</b>	<b>576</b>

Sekian, terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN** : **BUKAN LISAN**  
**DARIPADA** : **TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH SUFFIAN**  
**SOALAN** : **NO. 46**

minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah kesan pandemik COVID-19 ini dari segi pendaftaran baru pelajar-pelajar ke institusi pengajian tinggi awam ataupun swasta.

### JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kemasukan pelajar secara fizikal ke kampus Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) telah dilaksanakan secara berperingkat bermula pada 15 Oktober 2021. Proses yang terlibat diselenggarakan oleh IPT mengikut kesesuaian kalendar akademik masing-masing. Dalam hubungan ini, hanya pelajar yang telah mendapat suntikan dos vaksin lengkap dan melepasi tempoh keberkesanan selepas divaksin sahaja yang dibenarkan masuk ke kampus bagi meneruskan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP).

Untuk Sesi Akademik 2021/2022 ini, pendaftaran pelajar-pelajar ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dilaksanakan secara dalam talian melalui institusi masing-masing. Jumlah kemasukan pelajar ke kampus secara fizikal turut dihadkan mengikut kesesuaian kapasiti institusi masing-masing selaras dengan Prosedur Operasi Standard (SOP) Sektor Pendidikan Tinggi: Pengoperasian IPT. Justeru, keutamaan diberikan kepada pelajar berkeperluan terutamanya yang memerlukan pelaksanaan PdP secara bersemuka.

Seiring dengan itu juga, pelajar-pelajar baharu Sesi Akademik 2021/2022 akan dikenal pasti dan dimaklumkan oleh IPT masing-masing sama ada dibenarkan masuk secara

fizikal ke kampus atau sebaliknya. Bagi maksud itu, proses PdP di kampus dilaksanakan secara hibrid (iaitu secara bersemuka dan dalam talian) dengan pematuhan ketat SOP yang telah diluluskan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Manakala, bagi pelajar yang belum memasuki kampus, pelajar boleh meneruskan PdP secara dalam talian di lokaliti masing-masing sehingga dibenarkan oleh pihak IPT untuk menjalani PdP secara fizikal.

Untuk makluman Yang Berhormat, KPT turut membuat penyelarasan bersama-sama pihak IPTA berkenaan dengan maklumat status pendaftaran dan penerimaan vaksin COVID-19. Maklumat ini perlu dilengkapkan oleh calon yang ditawarkan program pengajian di Universiti Awam (UA) sebelum menjawab untuk “Setuju Terima” di laman web rasmi UA masing-masing. Data status penerimaan vaksin calon yang ditawarkan program pengajian di UA seterusnya akan diselaraskan oleh Kementerian dengan kerjasama pihak Jawatankuasa Petugas Khas Imunisasi COVID-19 (CITF). Data yang terkumpul ini akan dipertimbangkan sebagai senarai keutamaan untuk menerima vaksin COVID-19. Langkah yang sama juga dilaksanakan di IPTS seiring dengan Program Vaksinasi Warga IPT: VACC2CAMPUS.

Sekian, terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN** : **BUKAN LISAN**  
**DARIPADA** : **IR.TS HAJI KHAIRIL NIZAM BIN KHIRUDIN**  
**SOALAN** : **NO. 67**

minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah program sokongan kesihatan mental yang dilaksanakan oleh Kementerian kepada mahasiswa sejak bermulanya pandemik COVID-19.

### JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahi Yang Berhormat,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa prihatin terhadap kesihatan mental dan kesejahteraan emosi dalam kalangan mahasiswa, terutamanya dalam situasi pandemik COVID-19. Dengan perubahan landskap Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), mahasiswa IPT pastinya berdepan dengan cabaran pembelajaran dalam talian dan pengurangan interaksi sosial bersama rakan-rakan sebaya yang secara tidak langsung boleh menjurus ke arah isu kemurungan atau tekanan dalam jiwa sebahagian mahasiswa IPT.

Menyedari akan cabaran ini, KPT menyediakan perkhidmatan kaunseling dan sokongan psikososial yang dikendalikan oleh hampir 150 orang kaunselor dan pakar psikologi di UA dan pelajar boleh menyertai perkhidmatan ini melalui talian hotline dan secara atas talian. Selain itu, sesi perkhidmatan juga dilaksanakan secara fizikal bagi kemudahan pelajar yang berada di dalam kampus. Sokongan psikososial pula dilaksanakan melalui kaedah seperti e-kaunseling berkelompok, *online self-screening* menggunakan *Depression Anxiety Stres Scale* (DASS), saringan kesihatan mental, *Psychological First Aid Care Kit* dan e-psikologi.

Selain daripada perkhidmatan kaunseling dan sokongan psikososial, program-program berbentuk kesedaran juga turut dianjurkan oleh pihak IPT. Pada tahun 2021 sahaja, hampir 560 program kaunseling serta pengurusan emosi telah dilaksanakan oleh UA dengan kerjasama Majlis Kaunseling dan Kerjaya Universiti Awam Malaysia (MAKUMA). Antara program-program tersebut adalah seperti *Live with Counsellor Series* (UiTM), *Virtual Group Counselling: Group Support on Social and Emotional Support* (UIAM), *Shout-Out for Mental Health* oleh USM, *Forum Mental Health During Pandemic and Online Distance Learning* (ODL) oleh UMS dan banyak lagi. Pihak Kementerian juga, dengan kerjasama MAKUMA turut membangunkan satu Modul Kesihatan Mental Pelajar IPT bagi menangani isu-isu berkaitan tekanan, kemurungan dan kebimbangan selain memberi pengenalan terhadap kesihatan mental, instrumen penilaian dan strategi menangani masalah kesihatan mental. Modul ini boleh digunakan sebagai garis panduan kepada pegawai di UA bagi menangani kes kesihatan mental di universiti yang melibatkan mahasiswa.

Pihak Politeknik dan Kolej Komuniti juga turut menganjurkan pelbagai program kesedaran dan program berbentuk kerohanian, serta sesi kaunseling secara berkelompok dan individu yang melibatkan 2,377 pelajar. Kebajikan pelajar-pelajar di Politeknik dan Kolej Komuniti turut terjamin melalui program psikologi di peringkat kebangsaan (10 program) dan peringkat institusi (118 program) yang telah dan sedang dikendalikan oleh pegawai psikologi di institusi masing-masing. Dalam hal yang berkaitan, Kementerian melalui Jabatan Pendidikan Tinggi turut berjaya menganjurkan 2 siri Program Kesihatan Mental secara dalam talian pada tahun 2020 dan 5 lagi Program Kesihatan Mental dirancang bagi tahun ini sebagai sokongan dan inisiatif dalam membantu mahasiswa menangani isu kesihatan mental.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KE-14 TAHUN 2021  
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

**[8 DISEMBER HINGGA 23 DISEMBER 2021]**

**ATURAN URUSAN MESYUARAT  
DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA  
PENGAL KEEMPAT PARLIMEN KE-14  
8 DISEMBER HINGGA 23 DISEMBER 2021**

**PERTANYAAN JAWAB LISAN: MINGGU PERTAMA**

**8 DISEMBER 2021 (RABU) – 1 PERTANYAAN**

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	[No. 12]  PN-1442-L06878 Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi minta <b>MENTERI PENGAJIAN TINGGI</b> menyatakan berapakah jumlah IPT yang telah menubuhkan Unit Perkhidmatan OKU serta apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan semua IPT mengikut arahan pihak Kementerian.

**9 DISEMBER 2021 (KHAMIS) – 6 PERTANYAAN**

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	[No. 21]  PN-1442-L06300 Dato' Isa Bin Ab. Hamid minta <b>MENTERI PENGAJIAN TINGGI</b> menyatakan berapakah jumlah mahasiswa Orang Asli yang belajar di IPTA di pelbagai peringkat pengajian dan bilangan yang tidak menamatkan pengajian serta faktornya.
2.	[No. 26]  PN-1442-L06879 Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi minta <b>MENTERI PENGAJIAN TINGGI</b> menyatakan apakah tindakan Kementerian untuk memastikan setiap IPT

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	merangka pelan strategik bagi memastikan ekosistem pendidikan terangkum dapat dilaksanakan sepenuhnya selaras dengan hasrat Kerajaan iaitu Keluarga Malaysia.
3.	<p><b>[No. 28]</b></p> <p><b>PN-1442-L06444</b></p> <p><b>Dato Zaiedi Haji Suhaili</b> minta <b>MENTERI PENGAJIAN TINGGI</b> menyatakan bilangan peminjam PTPTN yang mendapat moratorium atau penstrukturan semula bayaran balik pinjaman pelajaran dan sejauh mana keadaan penstrukturan ini memberi impak kepada pembiayaan pelajar-pelajar baru sesi 2021/2022.</p>
4.	<p><b>[No. 57]</b></p> <p><b>PN-1442-L06917</b></p> <p><b>Puan Nuridah binti Mohd Salleh</b> minta <b>MENTERI PENGAJIAN TINGGI</b> menyatakan peratusan graduan berkelulusan Doktor Falsafah (PhD) yang masih menganggur serta inisiatif yang diambil Kerajaan untuk membantu mereka mendapatkan pekerjaan yang sesuai dengan kelulusan yang dimiliki.</p>
5.	<p><b>[No. 60]</b></p> <p><b>PN-1442-L06673</b></p> <p><b>Dato' Haji Husain Bin Awang</b> minta <b>MENTERI PENGAJIAN TINGGI</b> menyatakan status kemampuan kewangan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) pada waktu ini dalam memberi pinjaman pendidikan kepada pelajar yang mengikuti pengajian di Universiti Awam (UA) tempatan.</p>
6.	<p><b>[No. 62]</b></p> <p><b>PN-1442-L06757</b></p> <p><b>Ir.Ts Haji Khairil Nizam bin Khirudin</b> minta <b>MENTERI PENGAJIAN TINGGI</b> menyatakan bentuk bantuan yang disediakan oleh pihak Kementerian kepada mahasiswa yang datang daripada keluarga B40 serta terjejas pendapatan keluarga mereka akibat pandemik COVID-19 untuk mereka meneruskan pelajaran di universiti yang dilaksanakan secara bersemuka bermula semester ini.</p>

## PERTANYAAN JAWAB LISAN: MINGGU KEDUA

### 13 DISEMBER 2021 (ISNIN) – 2 PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	<p>[No. 4]</p> <p><b>PN-1442-L06769</b></p> <p><b>Ir.Ts Haji Khairil Nizam bin Khirudin</b> minta <b>MENTERI PENGAJIAN TINGGI</b> menyatakan program atau inisiatif yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian bagi meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan dalam negara kita pasca pandemik COVID-19.</p>
2.	<p>[No. 15]</p> <p><b>PN-1442-L06505</b></p> <p><b>Datuk Bobbey Bin Suan</b> minta <b>MENTERI PENGAJIAN TINGGI</b> menyatakan adakah sosialiti di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) / Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) bersedia sepenuhnya untuk melaksanakan pembelajaran secara hibrid.</p>

### 14 DISEMBER 2021 (SELASA) – 2 PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	<p>[No. 25]</p> <p><b>PN-1442-L06356</b></p> <p><b>Tuan Seruandi bin Saad</b> minta <b>MENTERI PENGAJIAN TINGGI</b> menyatakan apakah langkah pengawalan yang dilakukan bagi memastikan IPTA &amp; IPTS bersedia ke arah fasa endemik agar persekitaran pendidikan tinggi selamat bagi mahasiswa.</p>
2.	<p>[No. 64]</p> <p><b>PN-1442-L06595</b></p> <p><b>Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair</b> minta <b>MENTERI PENGAJIAN TINGGI</b> menyatakan pembaharuan yang telah dibawa dari aspek kesamarataan kuota</p>

	kemasukan pelajar lepasan SPM dan STPM pelbagai kaum ke universiti-universiti awam tempatan agar ia benar-benar dibuat mengikut kualiti pencapaian akademik tanpa mengira kaum.
--	---

#### **15 DISEMBER 2021 (RABU) – 1 PERTANYAAN**

<b>Bil.</b>	<b>No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan</b>
<b>1.</b>	<p><b>[No. 38]</b></p> <p><b>PN-1442-L06854</b></p> <p><b>Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol</b> minta <b>MENTERI PENGAJIAN TINGGI</b> menyatakan tindakan yang sedang dan akan diambil oleh Instituit Pengajian Tinggi Awam untuk memastikan kursus yang ditawarkan menepati keperluan pasaran pekerjaan selaras dengan polisi Kerajaan untuk mempertingkatkan kebolehan pasaran graduan.</p>

#### **16 DISEMBER 2021 (KHAMIS) – 2 PERTANYAAN**

<b>Bil.</b>	<b>No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan</b>
<b>1.</b>	<p><b>[No. 9]</b></p> <p><b>PN-1442-L06818</b></p> <p><b>Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad</b> minta <b>MENTERI PENGAJIAN TINGGI</b> menyatakan langkah Kementerian untuk meletakkan lima buah universiti awam tertua di Malaysia berada pada tahap 100 universiti terbaik dunia.</p>
<b>2.</b>	<p><b>[No. 16]</b></p> <p><b>PN-1442-L06313</b></p> <p><b>Datuk Razali bin Idris</b> minta <b>MENTERI PENGAJIAN TINGGI</b> menyatakan :-</p> <p>(a) jumlah peminjam Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) di peringkat Sarjana Muda yang ditukarkan status kepada biasiswa berdasarkan keputusan cemerlang memperoleh Kelas Pertama; dan</p> <p>(b) adakah Kementerian bersedia memberi peminjam PTPTN di peringkat</p>

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	Sarjana dan Doktor Falsafah ditukarkan status kepada biasiswa berdasarkan purata nilai gred kumulatif lebih daripada 3.6.

## PERTANYAAN JAWAB LISAN: MINGGU KETIGA

### 20 DISEMBER 2021 (ISNIN) – 4 PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	<p><b>[No. 27]</b></p> <p><b>PN-1442-L06960</b></p> <p><b>Dato' Juhanis binti Abd Aziz</b> minta <b>MENTERI PENGAJIAN TINGGI</b> menyatakan peratusan mahasiswa dari keluarga B40 yang mendapat peluang menyambung pelajaran ke universiti di luar negara sejak awal tahun 2021.</p>
2.	<p><b>[No. 38]</b></p> <p><b>PN-1442-L06359</b></p> <p><b>Tuan Seruandi bin Saad</b> minta <b>MENTERI PENGAJIAN TINGGI</b> menyatakan perancangan masa hadapan bagi mempromosikan program Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dan apakah sasaran perkembangan TVET pada tahun hadapan.</p>
3.	<p><b>[No. 48]</b></p> <p><b>PN-1442-L06828</b></p> <p><b>Datuk Paul Igai</b> minta <b>MENTERI PENGAJIAN TINGGI</b> menyatakan adakah Kerajaan berhasrat menempatkan sebuah Politeknik di Bahagian Kapit memandangkan agak ramai golongan muda yang telah tamat sekolah menengah yang tidak memenuhi syarat untuk memasuki ke institusi pengajian tinggi awam atau tidak mampu melanjutkan pelajaran mereka di kolej swasta</p>
4.	<p><b>[No. 57]</b></p> <p><b>PN-1442-L06819</b></p>

	<p><b>Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad</b> minta <b>MENTERI PENGAJIAN TINGGI</b> menyatakan langkah Kementerian memantau dan menyemak silibus mata pelajaran di universiti swasta agar ia memenuhi piawaian standard yang ditetapkan Kerajaan.</p>
--	--

**21 DISEMBER 2021 (SELASA) – 3 PERTANYAAN**

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	<p><b>[No. 3]</b></p> <p><b>PN-1442-L06589</b></p> <p><b>Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair</b> minta <b>MENTERI PENGAJIAN TINGGI</b> menyatakan usaha yang telah dilaksanakan oleh Kementerian dalam mengenal pasti pelajar-pelajar IPTA yang benar-benar memerlukan bantuan kewangan sokongan khususnya mereka yang bukan dari kalangan peminjam PTPTN atau penerima mana-mana tajaan biasiswa.</p>
2.	<p><b>[No. 52]</b></p> <p><b>PN-1442-L06704</b></p> <p><b>Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian</b> minta <b>MENTERI PENGAJIAN TINGGI</b> menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memastikan para pensyarah tidak berhadapan dengan masalah kekangan sistem sokongan untuk memastikan para pensyarah tidak berhadapan dengan masalah kemurungan yang boleh membawa kepada masalah kesihatan mental.</p>
3.	<p><b>[No. 60]</b></p> <p><b>PN-1442-L06599</b></p> <p><b>Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair</b> minta <b>MENTERI PENGAJIAN TINGGI</b> menyatakan bentuk pengawasan, pemantauan serta penguatkuasaan perundangan terhadap perbuatan mendapatkan Ijazah Kedoktoran (PhD) secara haram oleh mana-mana individu kenamaan termasuklah ahli politik.</p>

**22 DISEMBER 2021 (RABU) – 2 PERTANYAAN**

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	<p>[No. 11]</p> <p><b>PN-1442-L06527</b></p> <p><b>Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan</b> minta <b>MENTERI PENGAJIAN TINGGI</b> menyatakan berapakah jumlah pinjaman Perbadanan Tabung Pengajian Tinggi Nasional (PTPTN) yang telah dibayar semula oleh peminjam menggunakan insentif diskaun yang diumumkan Kerajaan menerusi Bajet 2022. Nyatakan juga jumlah diskaun yang telah dinikmati oleh peminjam PTPTN ini sepanjang tempoh tersebut.</p>
2.	<p>[No. 51]</p> <p><b>PN-1442-L06502</b></p> <p><b>Datuk Bobby Bin Suan</b> minta <b>MENTERI PENGAJIAN TINGGI</b> menyatakan berapakah peratus kadar kebolehpasaran graduan yang tamat pengajian pada tahun 2019 hingga 2021 dan adakah berlaku sebarang penurunan yang ketara.</p>

**23 DISEMBER 2021 (KHAMIS) – 3 PERTANYAAN**

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	<p>[No. 23]</p> <p><b>PN-1442-L06867</b></p> <p><b>Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol</b> minta <b>MENTERI PENGAJIAN TINGGI</b> menyatakan apakah masalah yang dihadapi dalam usaha Kerajaan untuk mempertingkatkan kebolehpasaran graduan dan pencapaian usaha tersebut setakat ini.</p>
2.	<p>[No. 24]</p> <p><b>PN-1442-L06877</b></p> <p><b>Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi</b> minta <b>MENTERI PENGAJIAN TINGGI</b> menyatakan adakah penarikan balik 'tagging' Mesra OKU dalam sistem UPU dilakukan untuk tahun 2021 sahaja ataupun 'tagging' tersebut dihapuskan sama</p>

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	sekali kerana bercanggah dengan pendidikan inklusif.
3.	<p><b>[No. 47]</b></p> <p><b>PN-1442-L06611</b></p> <p><b>Dato' Haji Ahmad bin Yahaya</b> minta <b>MENTERI PENGAJIAN TINGGI</b> menyatakan statistik kes gangguan jenayah seksual yang berlaku di Universiti Awam (UA) sejak tahun 2017.</p>

## PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN

### 9 PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Bukan Jawab Lisan
1.	<p><b>[No. 8]</b></p> <p><b>PN-1442-T01124</b></p> <p><b>Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee</b> minta <b>MENTERI PENGAJIAN TINGGI</b> menyatakan :-</p> <p>a) berapa ramai pelajar mengikut pecahan kepada jantina, keturunan, negeri yang telah mendaftar di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) untuk Ijazah Sarjana Muda bagi sesi September/Oktober untuk tahun semasa; dan</p> <p>b) mohon penjelasan jumlah biasiswa Kerajaan/Kementerian yang telah diberikan kepada pelajar baru tersebut, mengikut jantina, keturunan, negeri dan kelayakan pendidikan.</p>
2.	<p><b>[No. 24]</b></p> <p><b>PN-1442-T01142</b></p> <p><b>Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan</b> minta <b>MENTERI PENGAJIAN TINGGI</b> menyatakan statistik kes buli di pusat pengajian tinggi dan tindakan yang telah diambil bagi menangani isu ini. Apakah pendirian Kerajaan dalam memperbaharui sistem orientasi atau denda di universiti yang adakalanya bersifat</p>

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Bukan Jawab Lisan
	ekstrem hingga menyebabkan kecederaan dan kematian serta perlukah SOP khusus diwujudkan khusus bagi pelajar yang disabitkan dengan kesalahan.
3.	<p data-bbox="308 483 424 517"><b>[No. 29]</b></p> <p data-bbox="308 562 528 596"><b>PN-1442-T01147</b></p> <p data-bbox="308 607 1378 750">Tuan Aknan Ehtook minta <b>MENTERI PENGAJIAN TINGGI</b> menyatakan bilangan graduan keturunan Siam dan keturunan Thai secara tahunan mengikut Universiti Awam bagi tempoh 2010 hingga 2020.</p>
4.	<p data-bbox="308 796 424 830"><b>[No. 43]</b></p> <p data-bbox="308 875 520 909"><b>PN-1442-T01161</b></p> <p data-bbox="308 920 1378 1158">Dato' Haji Ahmad bin Yahaya minta <b>MENTERI PENGAJIAN TINGGI</b> menyatakan tahap capaian jalur lebar di Universiti Awam (UA) termasuklah Politeknik dan Kolej Komuniti dalam negara bagi menyokong dasar pengadaptasian serta penggunaan teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran.</p>
5.	<p data-bbox="308 1204 424 1238"><b>[No. 53]</b></p> <p data-bbox="308 1283 520 1317"><b>PN-1442-T01171</b></p> <p data-bbox="308 1329 1378 1567">Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff minta <b>MENTERI PENGAJIAN TINGGI</b> menyatakan langkah Kerajaan untuk memastikan kelayakan dan keboleh pasaran graduan-graduan yang mengikuti pengajian secara atas talian semasa pandemik COVID-19 kerana mereka kurang pendedahan kepada alam pekerjaan disebabkan tiada latihan industri secara fizikal.</p>
6.	<p data-bbox="308 1612 424 1646"><b>[No. 63]</b></p> <p data-bbox="308 1691 520 1725"><b>PN-1442-T01181</b></p> <p data-bbox="308 1737 1378 1930">Datuk Mohan a/l Thangarasu minta <b>MENTERI PENGAJIAN TINGGI</b> menyatakan adakah Kementerian atau IPT menjalankan ujian minat kerjaya atau personaliti bagi pemilihan pelajar ke kursus di IPT bagi padanan kerjaya di masa hadapan yang efektif dan mengurangkan kadar pengangguran.</p>

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Bukan Jawab Lisan
7.	<p>[No. 85]</p> <p><b>PN-1442-T01203</b></p> <p><b>Datuk Hj. Bashir bin Hj. Alias</b> minta <b>MENTERI PENGAJIAN TINGGI</b> menyatakan apakah usaha yang dilakukan oleh pihak Kementerian bagi meningkatkan tahap kebolehpasaran graduan dalam tempoh pandemik COVID-19.</p>
8.	<p>[No. 90]</p> <p><b>PN-1442-T01208</b></p> <p><b>Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad</b> minta <b>MENTERI PENGAJIAN TINGGI</b> menyatakan usaha Kementerian dalam membantu institusi pendidikan swasta milik Bumiputera yang sedang bergelut impak daripada pandemik COVID-19.</p>
9.	<p>[No. 110]</p> <p><b>PN-1442-T01228</b></p> <p><b>Dato' Juhanis binti Abd Aziz</b> minta <b>MENTERI PENGAJIAN TINGGI</b> menyatakan jumlah pusat-pusat pengajian tinggi mengikut kawasan Parlimen. Apakah tindakan Kerajaan dalam memastikan setiap kawasan Parlimen mempunyai satu pusat pengajian tinggi.</p>

**MESYUARAT KEDUA DEWAN NEGARA  
TAHUN 2021**

**JAWAPAN BAGI PERTANYAAN LISAN**

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **DATUK RAS ADIBA BINTI MOHD RADZI**  
**TARIKH** : **8 DISEMBER 2021 (RABU)**  
**SOALAN** : **NO.12**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah IPT yang telah menubuhkan Unit Perkhidmatan OKU serta apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan semua IPT mengikut arahan pihak Kementerian.

### **JAWAPAN**

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi sebenarnya dalam usaha untuk memastikan agar semua kebajikan dan pemerkasaan Orang Kurang Upaya (OKU) ini dapat dilaksanakan dengan tuntas makanya kita telahpun memastikan semua Universiti Awam (20 UA) telah menubuhkan Unit Perkhidmatan, Sokongan, Pemerkasaan dan Kebajikan OKU. Ini merupakan satu inisiatif bagi memastikan pelajar dan kakitangan OKU di universiti berkenaan mempunyai sokongan dan perkhidmatan khusus bagi memelihara kesejahteraan dan kebajikan golongan tersebut. Untuk pengetahuan semua, unit ini terletak di bawah seliaan Naib-naib canselor di universiti masing-masing. Sebarang arahan daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) berhubung kebajikan dan kelestarian golongan OKU akan disampaikan menerusi saluran Pengurusan Tertinggi UA bagi memastikan perkara ini diberi perhatian khusus dan diambil tindakan sewajarnya.

Untuk makluman Tan Sri Yang di-Pertua dan ahli-ahli Dewan, buat masa ini, atas dasar keprihatinan dan juga pengurusan kebajikan pelajar kurang upaya yang mengikuti pengajian di politeknik dan kolej komuniti, kita tidak mengesampingkan mereka dan di mana KPT telah mengarahkan bahawasanya hal-hal ehwal berkaitan OKU di Politeknik dan Kolej Komuniti diselia dan diselaraskan di bawah pengurusan Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP) di politeknik dan kolej komuniti. Pengurusan kebajikan pelajar kurang

upaya turut diurus oleh penyelaras program Sijil Kemahiran Khas Politeknik dan Sijil Asas Kolej Komuniti.

Sekian, terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **DATO' ISA BIN AB. HAMID**  
**TARIKH** : **9 DISEMBER 2021 (KHAMIS)**  
**SOALAN** : **NO. 21**

minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah mahasiswa Orang Asli yang belajar di IPTA di pelbagai peringkat pengajian dan bilangan yang tidak menamatkan pengajian serta faktornya.

### JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan data sistem MyMoheS sehingga 30 April 2021, enrolmen pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam berjumlah 654,659 orang pelajar, dengan pelajar Universiti Awam (UA) menyumbang sebanyak 84.8 peratus daripada jumlah keseluruhan. Daripada jumlah tersebut, seramai 509 pelajar Orang Asli telah melanjutkan pengajian di UA, 86 pelajar di Politeknik dan 31 orang di Kolej Komuniti.

Mengikut peringkat pengajian, 326 orang pelajar Orang Asli melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda, diikuti 156 orang dalam Diploma. Majoriti pelajar Orang Asli di Politeknik menyambung pengajian dalam peringkat Diploma manakala di Kolej Komuniti, 31 pelajar Orang Asli melanjutkan pengajian dalam peringkat Sijil. Walaubagaimanapun sehingga 30 April 2021, data menunjukkan terdapat 12 orang pelajar Orang Asli yang tidak dapat menamatkan pengajian mereka di UA. Antara sebab mereka tidak dapat meneruskan pengajian adalah seperti berikut:

- i. Berhenti;
- ii. Diberhentikan;
- iii. Gagal mendaftar; dan

iv. Sebab peribadi (selain masalah kewangan dan kesihatan).

Untuk makluman, KPT sentiasa mengambil berat dalam memastikan tiada pelajar yang tercicir di dalam pengajian mereka. Justeru, langkah yang bersesuaian telah diambil untuk mengenalpasti pelajar yang menghadapi kesukaran atau keciciran dalam pelaksanaan PdP dengan memberikan IPT fleksibiliti untuk menentukan kaedah PdP serta pentaksiran dan penilaian yang bersesuaian. Dalam usaha untuk membantu pelajar-pelajar, KPT menerusi Unit Kaunseling dan Bimbingan di UA turut menyediakan perkhidmatan kaunseling dan sokongan psikososial kepada mahasiswa yang terkesan dari segi tekanan emosi atau mental, di mana terdapat hampir 150 kaunselor dan pakar psikologi bersedia untuk membantu pelajar yang memerlukan. Perkhidmatan ini boleh diperolehi secara fizikal di kampus masing-masing, secara dalam talian (e-kaunseling), dan juga dengan menghubungi talian hotline (telekaunseling).

Selain itu, KPT turut mencadangkan pelaksanaan inisiatif baharu iaitu KPT IKHSAN yang merupakan program bantuan kewangan secara one-off kepada pelajar IPT yang memerlukan seperti bantuan permulaan pengajian, bantuan peranti dan pelan data, bantuan melangsaikan yuranyuran tertunggak dan sebagainya. Sekiranya dipersetujui oleh Kementerian Kewangan kadar baharu dan inisiatif ini akan berkuat kuasa pada tahun hadapan.

Sekian, terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	DATUK RAS ADIBA BINTI MOHD RADZI
TARIKH	:	9 DISEMBER 2021 (KHAMIS)
SOALAN	:	NO.26

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah tindakan Kementerian untuk memastikan setiap IPT merangka pelan strategik bagi memastikan ekosistem pendidikan terangkum dapat dilaksanakan sepenuhnya selaras dengan hasrat Kerajaan iaitu Keluarga Malaysia.

### JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Dari segi pelan strategik IPT, setiap IPT diberikan kebebasan untuk menentukan pelan strategik masing-masing dengan kelulusan Lembaga Pengarah Universiti (LPU) masing-masing. Walau bagaimanapun, pelan strategik IPT perlu diujarkan dengan aspirasi semasa Kerajaan dan dasar-dasar di peringkat nasional dan peringkat kementerian.

Pada masa ini, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah menyediakan pelan jangka masa sederhana bagi meneruskan momentum kecemerlangan pendidikan tinggi yang terkesan akibat pandemik COVID-19, dinamakan Rangka Tindakan Kesejahteraan Pendidikan Tinggi atau dikenali sebagai SEJAHTERA IPT. Pelan ini mengandungi tujuh (7) strategi utama iaitu **Mengukuhkan Ekosistem Kampus Yang Selamat; Memperkukuh Kebolehpasaran Graduan; Memperkasakan Agenda Pendigitalan; Memantapkan Jaringan Kolaborasi Strategik; Memacu Kesejahteraan Komuniti; Mempersada Kecemerlangan Institusi; dan Menyemarak Semangat #KTPRIHATIN.**

Pelan ini sedang dimurnikan melalui pelbagai sesi libat urus dengan pihak-pihak berkepentingan. Pandangan-pandangan yang dikemukakan dalam sesi tersebut akan diambil kira bukan sahaja bagi membangunkan satu pelan yang jitu dan komprehensif,

tetapi juga bagi memastikan pelaksanaan dan pemantauan inisiatif yang lebih mantap dan berkesan.

Di bawah Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) juga, KPT turut mengambil kira **titik sentuh (*touch point*)** yang dikehendaki dan diharapkan oleh rakyat di bawah **Teras Ketiga, iaitu Meningkatkan Kesejahteraan Sosial**. Dalam hubungan ini, KPT menggunakan strategi **Menyemarakkan Semangat #KTPrihatin**, yang mana pendekatan ini sangat signifikan dengan tiga (3) prinsip Keluarga Malaysia, iaitu **Peka Dengan Keperluan Semasa; Bertanggungjawab Dan Amanah; dan Mengembalikan Semula Keyakinan Rakyat**. Justeru, AKM KPT dibentuk berdasarkan tiga (3) kriteria, iaitu **perlu sejajar dengan dasar semasa, berimpak tinggi dan boleh diukur**.

Namun secara spesifik, KPT juga turut merangka inisiatif-inisiatif lain bagi memastikan inklusiviti antaranya:

- (i) **Pembangunan Garis Panduan Pelaksanaan Dasar Inklusif OKU**
- (ii) ***National Inclusive Open Educational Resources (IOER)***
- (iii) **Sistem MyU-OKU**
- (iv) **Jawatankuasa Hal Ehwal Kebajikan Mahasiswa OKU**
- (v) **Unit Perkhidmatan dan Sokongan OKU**

Sekian, terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **DATO' ZAIEDI HAJI SUHAILI**  
**TARIKH** : **9 DISEMBER 2021 (KHAMIS)**  
**SOALAN** : **NO. 28**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bilangan peminjam PTPTN yang mendapat moratorium atau penstrukturan semula bayaran balik pinjaman pelajaran dan sejauh mana keadaan penstrukturan ini memberi impak kepada pembiayaan pelajar-pelajar baru sesi 2021/2022.

### JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Mengambil kira kesan wabak penyakit COVID-19 kepada ekonomi negara yang mengakibatkan kehilangan dan kekurangan sumber pendapatan kepada peminjam PTPTN, Kerajaan telah bersetuju memberi penangguhan bayaran balik pinjaman pendidikan kepada semua peminjam PTPTN bermula Mac 2020 sehingga Disember 2020. Secara keseluruhannya, penangguhan ini telah memanfaatkan 1.5 juta peminjam dengan jumlah keseluruhan anggaran bayaran balik yang ditangguhkan adalah sebanyak RM1.125 bilion. Pada tahun 2021 pula, penangguhan Khas Bayaran Balik Pinjaman selama tiga (3) bulan kepada peminjam yang terkesan telah diberi di antara Januari hingga Mei 2021 yang telah memanfaatkan seramai 41,385 peminjam; dan penangguhan Bayaran Balik Pinjaman (PKP3.0) selama tiga (3) bulan turut diberi kepada peminjam yang terkesan di antara Jun hingga Oktober 2021 dengan 48,279 peminjam telah mendapat manfaat.

Daripada segi pembiayaan pinjaman pula, sepanjang tahun 2021 sehingga Oktober, PTPTN telah meluluskan pinjaman kepada 107,027 peminjam dengan jumlah peruntukan sebanyak RM2.63 bilion.

Sekian, terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **PUAN NURIDAH BINTI MOHD SALLEH**  
**TARIKH** : **9 DISEMBER 2021 (Khamis)**  
**SOALAN** : **NO.57**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan peratusan graduan berkelulusan Doktor Falsafah (PhD) yang masih menganggur serta inisiatif yang diambil Kerajaan untuk membantu mereka mendapatkan pekerjaan yang sesuai dengan kelulusan yang dimiliki.

### JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Berdasarkan Kajian Pengesanan Graduan yang dijalankan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) pada tahun 2020, seramai 260,701 orang (85.4%) graduan (warganegara) telah memberikan respons dengan mengisi soal selidik mengenai status pekerjaan selepas tamat pengajian semasa konvokesyen.

Daripada kajian tersebut, 40,550 orang atau 15.6 peratus graduan didapati belum bekerja. Daripada jumlah tersebut, seramai 225 orang atau 10.2 peratus graduan peringkat pengajian Ph.D masih belum bekerja semasa Kajian Sistem Pengesanan Graduan dijalankan pada tempoh konvokesyen tahun 2020. Jumlah ini menyumbang sebanyak 10.2 peratus daripada keseluruhan graduan Ph.D yang berjumlah 2,210 orang. 86.2 peratus daripada graduan Ph.D yang belum bekerja ini terdiri daripada graduan Universiti Awam manakala selebihnya adalah daripada IPTS.

Bagi menangani isu pengangguran dalam kalangan graduan, Kementerian Pengajian Tinggi telahpun mewujudkan beberapa inisiatif dan kolaborasi bersama beberapa agensi dalam usaha untuk menangani isu ini. Antara inisiatif yang telah diambil adalah dengan

pelaksanaan Program PENJANA KPT CAP (*CAREER ADVANCEMENT PROGRAMME*) yang merupakan program di bawah inisiatif Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA). Program ini merupakan program berbentuk *reskilling* dan *upskilling* kepada pelajar dan graduan. Sehingga 30 November 2021, seramai 14,884 graduan telah mendapat manfaat daripada program ini.

KPT turut berkolaborasi bersama beberapa agensi dan kementerian lain untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan. Antaranya ialah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia, iaitu Perbadanan Sumber Manusia Berhad (HRDF) di bawah program *Place and Train*. Melalui program ini, graduan akan ditempatkan di syarikat-syarikat yang telah dikenal pasti oleh PSMB selama sebulan (1) hingga tiga (3) bulan untuk mereka menjalani latihan persijilan profesional dalam bidang yang diperlukan oleh industri. Mereka akan ditawarkan pekerjaan disyarikat-syarikat tersebut sekira berjaya menamatkan latihan dan memenuhi kriteria yang telah ditetapkan.

Pertubuhan Keselamatan Sosial Malaysia (PERKESO) juga merupakan salah satu rakan kolaborasi Kementerian Pengajian Tinggi dalam usaha untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan melalui Program Padanan Pekerjaan. Program ini akan dilaksanakan kepada graduan yang baru menamatkan pengajian dan yang masih belum mempunyai pekerjaan.

Sekian, terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG**  
**TARIKH** : **9 DISEMBER 2021 (KHAMIS)**  
**SOALAN** : **NO. 60**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan status kemampuan kewangan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) pada waktu ini dalam memberi pinjaman pendidikan kepada pelajar yang mengikuti pengajian di Universiti Awam (UA) tempatan.

### **JAWAPAN**

Tan Sri Yang di-Pertua,

Sehingga 31 Oktober 2021, PTPTN telah meluluskan pinjaman kepada 2,252,536 peminjam yang mengikuti pengajian di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dengan jumlah peruntukan keseluruhan lebih RM41 bilion. Untuk tahun 2021 sahaja, sehingga Oktober seramai 56,667 pelajar IPTA telah diluluskan pinjaman dengan jumlah peruntukan sebanyak RM1.06 bilion.

Sekian, terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

<b>PERTANYAAN</b>	<b>:</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>:</b>	<b>IR.TS HAJI KHAIRIL NIZAM BIN KHIRUDIN</b>
<b>TARIKH</b>	<b>:</b>	<b>9 DISEMBER 2021 (KHAMIS)</b>
<b>SOALAN</b>	<b>:</b>	<b>NO.62</b>

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bentuk bantuan yang disediakan oleh pihak Kementerian kepada mahasiswa yang datang daripada keluarga B40 serta terjejas pendapatan keluarga mereka akibat pandemik COVID-19 untuk mereka meneruskan pelajaran di universiti yang dilaksanakan secara bersemuka bermula semester ini.

### **JAWAPAN**

Tan Sri Yang Di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa mengambil berat terhadap perkara-perkara yang melibatkan kebajikan dan kesejahteraan mahasiswa di IPT. Justeru, KPT telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi mengurangkan beban pelajar yang meneruskan pengajian secara bersemuka di kampus. Antaranya:

- i. Menyelaras dan membekalkan kit ujian sendiri COVID-19 kepada semua IPT yang melibatkan pengagihan sebanyak 1.169juta unit kit ujian sendiri yang bernilai lebih RM17.5juta;
- ii. Berkerjasama dengan IPT dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) melalui Sekretariat Food Bank untuk menganjurkan program Food Bank Siswa bagi menyalurkan bantuan makanan kepada pelajar golongan B40;
- iii. Bekerjasama dengan syarikat penerbangan seperti Malaysia Airlines dan AirAsia bagi membantu meringankan beban pelajar yang perlu menaiki penerbangan bagi kembali ke kampus;

- iv. KPT melalui Bahagian Biasiswa telah menyediakan Bantuan Kewangan Pelajar Kolej Komuniti (BKPKK) khususnya kepada pelajar program Sijil Kolej Komuniti yang memenuhi syarat yang ditetapkan; dan
- v. KPT melalui Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) telah memberikan pengurangan Bayaran Pelbagai sebanyak 50% kepada semua pelajar Politeknik dan Kolej Komuniti bermula pada Sesi Pengajian Jun 2020. JPPKK turut memperuntukkan RM3,229,296.00 bagi pembiayaan Perlindungan Takaful Berkelompok kepada pelajar politeknik dan kolej komuniti secara *one-off*. Pemberian ini melibatkan seramai 89,201 orang pelajar Sesi I:2021/2022.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memandangkan kini terdapat juga pelajar yang belajar secara dalam talian, KPT telah menganjurkan Program *Corporate Social Responsibility* (CSR) KPT untuk menyediakan 210 komputer riba dan 100 tablet secara percuma kepada pelajar serta menyediakan 10 unit modem kepada Universiti Awam terpilih. Jumlah keseluruhan sumbangan yang dikutip adalah sebanyak RM 505,870.00. Semua peranti dan modem ini telah diserahkan kepada pelajar berkeperluan yang telah dikenal pasti. KPT juga telah melaksanakan Program Pakej Pelan Data dan Peranti kepada pelajar IPT dengan usaha sama rakan strategik bagi mendapatkan tawaran harga dan spesifikasi istimewa pakej pelan data dan peranti. Kini, KPT bekerjasama dengan Kementerian Kewangan dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) bagi menjayakan inisiatif Peranti Siswa Keluarga Malaysia seperti yang diumumkan dalam **Bajet 2021** baru-baru ini.

Kementerian berharap dengan pelaksanaan inisiatif-inisiatif ini, beban pelajar IPT dapat dikurangkan dan kos sara hidup pelajar juga berkurang.

Sekian, terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **IR. TS HAJI KHAIRIL BIN KHIRUDIN**

**TARIKH** : **13 DISEMBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN** : **NO. 4**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan program atau inisiatif yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian bagi meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan dalam negara kita pasca pandemik COVID-19.

### JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Antara usaha yang dilaksanakan oleh KPT untuk meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan pasca pandemik COVID-19 adalah antaranya yang pertama yang boleh dinyatakan di sini ialah KPT telah Menyediakan beberapa platform perkongsian input daripada pihak industri di peringkat strategik bagi membincangkan jurang antara kemahiran graduan dan keperluan industri. Maksudnya, KPT memberi ruang seluas-luas untuk pihak industri dan KPT bersama-sama duduk untuk membincangkan untuk memastikan graduan yang dihasilkan oleh universiti dapat bekerja di mana-mana untuk industri mereka. Oleh itu, platform strategik yang dimaksudkan ini termasuklah Majlis TVET Negara yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri; Majlis Penasihat Industri; *Government-Industry TVET Coordination Body (GIC)*; serta Pasukan Petugas Khas di bawah Majlis Pekerjaan Negara (NEC). Itulah antara langkah pertama yang dibuat oleh pihak kerajaan untuk memastikan bahawasanya graduan ini tidak akan menganggur ataupun dapat meneruskan kehidupan mereka lebih baik selepas tamat pengajian.

Yang Kedua, pihak kementerian juga untuk memastikan graduan-graduan ini memiliki peluang untuk bekerja dalam setiap sektor atau institusi yang mereka telahpun

menamatkan pengajian maka pihak kementerian telah melaksanakan program yang dikatakan program latihan berbentuk *reskilling* dan *upskilling* melalui inisiatif PENJANA KPT-CAP dan persijilan profesional melalui PENJANA KPT-PACE.

Untuk makluman semua, sehingga 30 November 2021 seramai 14,884 graduan yang menerima latihan telah mendapat penempatan pekerjaan atau menjana pendapatan melalui inisiatif yang telah dilaksanakan.

Yang ketiga, bagi memastikan bahawasanya jikalau graduan kita mendapat keputusan tidak memuaskan, berada di bawah paras yang sepatutnya ataupun dengan izin dipanggil *Low achiever*, KPT telahpun melaksanakan satu program intervensi yang dipanggil sebagai Program Intervensi Kebolehpasaran Graduan (GE). Program intervensi ini memberikan nilai tambah kepada graduan yang dikenal pasti rendah kadar kebolehpasarannya (CGPA 3.3 ke bawah) atau daripada program-program pengajian yang rendah kadar kebolehpasaran (kadar kebolehpasaran 50% ke bawah). Program ini turut menawarkan jaminan pekerjaan kepada peserta sebaik sahaja mereka menamatkan latihan. Pada tahun 2020 dan 2021, seramai 1,975 graduan telah mendapat penempatan pekerjaan melalui program ini.

Yang keempat, pihak kementerian telah melaksanakan satu program yang dinamakan sebagai Structured Internship Programme (SIP). SIP ini merupakan program penempatan pelajar untuk latihan industri secara berstruktur dan seterusnya ditawarkan penempatan di industri secara kekal sekiranya layak. Sebanyak 21 industri telah menawarkan penempatan kepada 2,968 pelajar tahun akhir sehingga sesi September 2021 untuk jalani latihan industri dan sekali gus menawarkan penempatan pekerjaan. Sehingga 30 November 2021, seramai 776 pelajar telah menerima tawaran pekerjaan secara tetap di industri tersebut.

Akhir kata, ingin dinyatakan di sini bahawasanya kerajaan begitu serius untuk memastikan bahawasanya kita memberikan yang terbaik kepada pelajar dalam usaha memastikan aspirasi Keluarga Malaysia ini dapat kita jayakan dengan sebaik mungkin selepas mereka menamatkan pengajian mereka.

Sekian, terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **DATUK BOBBEY BIN SUAN**

**TARIKH** : **13 DISEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN** : **NO. 15**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah fasiliti di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) / Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) bersedia sepenuhnya untuk melaksanakan pembelajaran secara hibrid.

### JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kementerian sentiasa prihatin terhadap kebajikan dan kesejahteraan pelajar dalam melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran dalam talian. Dalam hal ini, Kementerian telah memberikan perhatian terhadap pengukuhan infrastruktur dengan menambah baik rangkaian yang melibatkan liputan internet dan pelan data serta peranti yang berpatutan. Kementerian turut mengambil langkah untuk menaiktaraf Malaysian Research & Education Network (*MYREN*) dengan mempertingkatkan kebolehcapaian internet daripada 500Mbps kepada 10Gbps.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian dengan kerjasama Universiti Awam secara proaktif telah memberi bantuan dalam bentuk peranti dan juga pelan data kepada pelajar sebagai usaha sokongan. Dalam hal ini, yang pertama adalah:

- i. Bantuan RM50 secara one-off untuk langganan awal pelan data dengan anggaran peruntukkan sebanyak RM3.8 juta kepada 76,153 pelajar baharu sesi Akademik 2020/2021;

- ii. Bantuan pelan data B40 dengan peruntukan sebanyak RM24 juta yang memanfaatkan 320,396 pelajar; dan
- iii. Bantuan peranti B40 bersasar yang melibatkan peruntukan sebanyak RM13.4 juta yang memanfaatkan 8,965 orang pelajar.

Inisiatif bantuan peranti dan pelan data ini menyokong IPT dalam memastikan pengajaran dan pembelajaran secara hibrid dalam dilaksanakan dengan lancar selepas daripada waktu pandemik COVID-19 ini.

Sekian, terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN** : LISAN  
**DARIPADA** : TUAN SERUANDI BIN SAAD  
**TARIKH** : 14 DISEMBER 2021 (SELASA)  
**SOALAN** : NO. 25

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah langkah pengawalan yang dilakukan bagi memastikan IPTA & IPTS bersedia ke arah fasa endemik agar persekitaran pendidikan tinggi selamat bagi mahasiswa.

### JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Melalui kemasukan pelajar ke IPT mulai pada 15 Oktober 2021, *Standard Operating Procedure* (SOP) Sektor Pengajian Tinggi: Pengoperasian IPT telah disediakan bagi mencorakkan kaedah pembelajaran dan pengoperasian IPT yang bersesuaian dan selamat semasa pandemik menuju ke fasa endemik. SOP ini telah dibangunkan bagi mencorakkan aktiviti di kampus termasuk berkaitan aspek Pembelajaran dan Pengajaran (PdP), kokurikulum, penyelidikan, aktiviti-aktiviti lain serta pengoperasian IPT bersesuaian dengan situasi semasa fasa Pelan Pemulihan Negara dan juga peralihan fasa pandemik kepada endemik.

SOP Sektor Pengajian Tinggi juga telah membenarkan semua aktiviti PdP berkumpulan di kampus dijalankan secara bersemuka dengan pematuhan SOP. Pendekatan ini merupakan langkah bersesuaian untuk dilaksanakan oleh IPT keseluruhannya dalam menghadapi perubahan fasa Pelan Pemulihan Negara dan peralihan fasa pandemik kepada endemik. Dalam tempoh pandemik, semua institusi secara berterusan melaksanakan pelbagai usaha memperbaiki persekitaran pembelajaran secara hibrid di IPT termasuklah mengatasi isu kemudahan pembelajaran dalam talian seperti masalah internet, pemilikan peranti elektronik di kalangan pelajar serta kemudahan peralatan PdP dan latihan yang diperlukan oleh tenaga pengajar.

Selain daripada itu, kurikulum program juga telah disesuaikan untuk kaedah pembelajaran dalam talian dan hibrid dengan penyelarasan kandungan program yang dapat memenuhi keperluan pelajar, mengambil kira kandungan pembelajaran yang memenuhi standard program, pendekatan pembelajaran yang lebih fleksibel dan kaedah penilaian yang berbeza daripada kaedah konvensional.

Oleh yang demikian, pemerkasaan pelaksanaan PdP hibrid dalam norma baharu di IPT sentiasa di tambah baik untuk diteruskan ketika endemik nanti berpandukan kepada SOP Fasa Endemik yang bakal dikeluarkan oleh MKN.

Selain daripada itu, bagi memastikan keselamatan mahasiswa sentiasa diutamakan, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) memberi perhatian khusus dalam memastikan IPT sentiasa mematuhi SOP yang ketat dalam pengoperasiannya. Ini termasuklah dengan menyediakan pusat pengasingan dan kuarantin bagi menguruskan pelajar bergejala dan jangkitan COVID-19 di kampus serta memperkasakan peranan Jawatankuasa Tindakan Kecemasan dan Bilik Gerakan di setiap IPT. Penyediaan dan pelaksanaan semua keperluan ini di IPT sentiasa dipantau dari semasa ke semasa.

Berdasarkan situasi semasa di IPT, Kementerian ini amat yakin bahawa IPT berupaya untuk meneruskan pengoperasian dan PdP di kampus dengan mengambil kira jumlah keberadaan pelajar yang lebih besar, keperluan memenuhi SOP bagi membendung penularan jangkitan dan mengukuhkan pembudayaan norma baharu pembelajaran di IPT ketika fasa endemik.

Oleh itu, semua pendekatan yang telah digariskan dalam SOP sedia ada akan terus dilaksanakan semasa fasa endemik dan SOP Endemik akan diperincikan setelah arahan mengenainya dikeluarkan oleh kerajaan.

Sekian, terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **DATO' KESAVADAS A/L A.ACHYUTHAN NAIR**  
**TARIKH** : **14 DISEMBER 2021 (SELASA)**  
**SOALAN** : **NO.64**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** pembaharuan yang telah dibawa dari aspek kesamarataan kuota kemasukan pelajar lepasan SPM dan STPM pelbagai kaum ke universiti-universiti awam tempatan agar ia benar-benar dibuat mengikut kualiti pencapaian akademik tanpa mengira kaum.

### **JAWAPAN**

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menyelaraskan kemasukan pelajar lepasan SPM dan STPM/Setaraf ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) bagi program Sijil, Asasi, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda berasaskan prinsip meritokrasi tanpa mengira agama, bangsa, keturunan dan negeri. Prinsip meritokrasi yang dilaksanakan bagi kemasukan pelajar ke IPTA dan ILKA adalah berasaskan pencapaian akademik (90%) dan pencapaian kokurikulum (10%).

Pemilihan kemasukan adalah berasaskan dasar, prosedur dan kriteria yang telah ditetapkan. Dasar, prosedur dan kriteria kemasukan ini telah disebar luas secara dalam talian di laman web rasmi Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA, Jabatan Pendidikan Tinggi (BKPA JPT). Hanya pelajar yang telah memenuhi Syarat Am, Syarat Khas program pengajian yang ditetapkan oleh IPTA dan ILKA dan mendapat merit yang tinggi sahaja akan dipertimbangkan tawaran kemasukan berdasarkan jumlah kekosongan tempat yang disediakan merujuk kepada program pengajian pilihan mereka semasa membuat permohonan di UPUOnline. Kejayaan pelajar ditawarkan program pengajian pilihan mereka juga tertakluk kepada keputusan temu duga bagi program pengajian bertemu duga dan/atau ujian yang dijalankan oleh IPTA dan ILKA.

**Pemrosesan pemilihan dilaksana dengan diproses secara teratur:**

- i. Calon disusun ikut ranking merit dari yang paling tinggi hingga yang paling rendah;
- ii. Pemrosesan pemilihan akan dibuat berdasarkan program yang dipilih oleh calon;
- iii. Berdasarkan kelayakan calon dan jika tempat masih tersedia, calon akan ditawarkan pilihan pertama;
- iv. Jika tempat pengajian telah penuh, permohonan calon akan diproses untuk pilihan program yang seterusnya sehingga pilihan calon yang terakhir.

Pelajar yang tidak berjaya ditawarkan tempat di IPTA dan ILKA boleh membuat permohonan rayuan. Pelajar yang membuat permohonan rayuan hanya akan ditawarkan program pengajian luar pilihan sekiranya mereka menyatakan persetujuan untuk menerima program pengajian di luar pilihan semasa mengemukakan permohonan rayuan di UPUOnline.

Bagi tujuan pemrosesan pemilihan kemasukan, tempat pengajian yang ditawarkan adalah berdasarkan pilihan yang dibuat oleh pemohon. Pemohon mempunyai 6 pilihan program pengajian yang wajib diisi daripada 12 pilihan program yang boleh diisi semasa mengemukakan permohonan di UPUOnline. Pemohon dinasihatkan untuk membaca syarat am, syarat khas program pengajian yang ditetapkan oleh IPTA dan ILKA di dalam e-Panduan sebelum mengemukakan permohonan di UPUOnline.

Walau bagaimanapun, calon dimaklumkan dengan jelas bahawa tiada jaminan mendapatkan tawaran program pengajian berdasarkan kepada kedudukan merit semata-mata. Penawaran program pengajian adalah tertakluk susunan merit, pilihan program pengajian, memenuhi syarat am dan khas program pengajian, bilangan tempat yang disediakan, lulus temu duga dan/ujian bagi program pengajian yang menetapkan syarat berkenaan.

Sekian, terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **PUAN RITA SARIMAH ANAK PATRICK INSOL**  
**TARIKH** : **15 DISEMBER 2021 (RABU)**  
**SOALAN** : **NO.38**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan tindakan yang sedang dan akan diambil oleh Institiut Pengajian Tinggi Awam untuk memastikan kursus yang ditawarkan menepati keperluan pasaran pekerjaan selaras dengan polisi Kerajaan untuk mempertingkatkan kebolehsasaran graduan.

### JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa mengambil langkah proaktif bagi memastikan kursus yang ditawarkan menepati keperluan pasaran pekerjaan selaras dengan polisi kerajaan untuk meningkatkan kebolehsasaran graduan. KPT menyediakan ruang untuk Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) menambah baik kurikulum program yang ditawarkan. IPT tidak terhad membina kurikulum untuk memenuhi keperluan minimum sahaja, malahan elemen-elemen tambahan terkini boleh dimasukkan ke dalam kurikulum secara inovasi oleh institusi masing-masing.

Sebagai sokongan, Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) juga dibenarkan untuk membuat perubahan kurikulum sehingga 30 peratus secara dalaman tanpa perlu melalui penilaian semula oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Ini bagi membolehkan sebarang perkembangan ilmu semasa yang selari dengan keperluan industri dan kebolehsasaran graduan dapat terus diaplikasikan dalam kurikulum. Untuk program-program di bawah seliaan badan profesional, perubahan kurikulum tertakluk kepada pengesahan badan profesional yang berkaitan.

Di samping itu, dalam mempelbagaikan keperluan program, kementerian melalui MQA juga telah memperkenalkan Kerangka Penawaran Program dengan menggabungkan dua atau tiga bidang seperti Major dengan Pengkhususan, Dwi Major, Major Minor dan Berbagai Bidang (Hibrid) dalam usaha menyokong elemen *transdisciplinary* dalam *Higher Education 4.0*. Konsep ini mampu menggalakkan IPT meneroka bidang ilmu baharu dan seterusnya dapat mereka bentuk program pengajian yang dinamik serta mampu menarik minat industri dalam konteks kebolehpasaran graduan.

Usaha memperkasakan lagi program akademik diteruskan melalui inisiatif *Experiential Learning and Competency-Based Education Landscape* (EXCEL) yang telah dilancarkan pada 15 Oktober 2021. Objektif Inisiatif EXCEL adalah untuk terus memacu transformasi program akademik bagi menghasilkan graduan yang mempunyai daya tahan dan keupayaan untuk menghadapi serta menerima perubahan (*Resilient and Change-Ready Talent*). Graduan yang melalui program berasaskan EXCEL akan memperoleh kemahiran holistik sebagai pengamal pembelajaran sepanjang hayat (*lifelong learners*), usahawan inovatif (*innovative entrepreneurs*), pengamal kreatif (*creative practitioners*) dan pengaruh perubahan (*change-makers*).

Kerangka EXCEL memfokuskan kepada kaedah pembelajaran pendidikan berasaskan pengalaman dan kompetensi yang diterapkan dalam empat (4) teras EXCEL iaitu *Industry Driven Experiential Learning* (IDEAL); *Community Resilience Experiential Learning* (CARE); *Research Infused Experiential Learning* (REAL); dan *Personalised Experiential Learning* (POISE).

Justeru itu, KPT sentiasa menekankan keperluan IPT dalam mengurus dan menambah baik program selaras dengan perkembangan semasa dunia kerjaya. Disamping itu IPT digalakkan berinovasi dalam penawaran program bagi meningkatkan daya saing graduan.

Sekian, terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

<b>PERTANYAAN</b>	:	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	:	<b>SR. HAJI MOHD APANDI BIN MOHAMAD IDRIS</b>
<b>TARIKH</b>	:	<b>16 DISEMBER 2021 (KHAMIS)</b>
<b>SOALAN</b>	:	<b>NO. 9</b>

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan langkah Kementerian untuk meletakkan lima buah universiti awam tertua di Malaysia berada pada tahap 100 universiti terbaik dunia.

### **JAWAPAN**

Tan Sri Yang di-Pertua,

Laporan yang dikeluarkan oleh *Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings 2022* pada 9 Jun 2021 telah menunjukkan bahawa kesemua lima Universiti Penyelidikan Malaysia iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) berjaya mengekalkan kedudukan dalam kelompok 200 universiti terbaik dunia.

UM telah berjaya disenaraikan sebagai 100 universiti terbaik di dunia dengan berada di tempat ke-65. Kedudukan UM dalam 100 universiti terbaik dunia telah dicapai sejak tahun 2018 iaitu tujuh tahun lebih awal daripada sasaran malah berjaya mengekalkan kedudukan setiap tahun sehingga hari ini. Kedudukan empat (4) Universiti Penyelidikan yang lain pula adalah UPM di tangga ke-143 (pada tahun 2021 di tangga ke-132); UKM di tangga ke-144 (pada tahun 2021 di tangga ke-141); USM di tangga ke-147 (pada tahun 2021 di tangga ke-142); dan diikuti oleh UTM di tangga ke-191(pada tahun 2021 di tangga ke-187).

Bagi meletakkan lima buah universiti awam tertua di Malaysia ini pada tahap 100 universiti terbaik dunia, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) telah mengenal pasti beberapa langkah yang perlu dilaksanakan antaranya ialah:

- (i) Mempertingkatkan bilangan penyelidikan berimpak tinggi dan sitasi;
- (ii) Menambah pengambilan staf akademik berstatus pasca-doktoral yang dapat membantu meningkatkan skor bagi indikator reputasi akademik, reputasi majikan, sitasi, pensyarah antarabangsa dan pelajar antarabangsa;
- (iii) Mengekalkan profesor-profesor yang bereputasi tinggi terutamanya di dalam bidang-bidang kritikal melalui pelantikan semula atau pelanjutan kontrak bagi profesor yang telah bersara;
- (iv) Meningkatkan pengambilan pelajar antarabangsa melalui promosi dan hebahan yang bersesuaian dalam tempoh pasca pandemik COVID-19; dan
- (v) Memperkasakan 5 buah universiti awam yang berpotensi tinggi dalam penyelidikan dan inovasi berdasarkan penilaian MyRA untuk dijadikan Rakan Universiti Penyelidikan.

Bagi menyokong usaha ini, KPT secara berterusan telah mengemukakan permohonan peruntukan di bawah Program Pengukuhan Dan Perneriksaan Universiti Penyelidikan melalui Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKse-12) melalui 4 fokus utama iaitu Pembangunan Bakat, Keunggulan Penyelidikan, Penghubung Cabaran Perdana dan Penjanaan Kekayaan.

Sekian, terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **YB DATUK RAZALI BIN IDRIS**  
**TARIKH** : **16 DISEMBER 2021(KHAMIS)**  
**SOALAN** : **NO.16**

**Datuk Razali Bin Idris** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan :-

- (a) jumlah peminjam Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) di peringkat Sarjana Muda yang ditukarkan status kepada biasiswa berdasarkan keputusan cemerlang memperoleh Kelas Pertama; dan
- (b) adakah Kementerian bersedia memberi peminjam PTPTN di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah ditukarkan status kepada biasiswa berdasarkan purata nilai gred kumulatif lebih daripada 3.6.

### **JAWAPAN**

Tan Sri Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Oktober 2021, seramai 78,479 peminjam di peringkat Sarjana Muda telah dikecualikan daripada membayar balik pinjaman mereka kerana mendapat Ijazah Kelas Pertama dengan peruntukan sebanyak lebih RM2.02 bilion.

Untuk makluman, model pembiayaan pinjaman yang digunapakai oleh PTPTN amat bergantung kepada prestasi bayaran balik sebagai sumber utama dana bagi membiayai pinjaman sedia ada dan baharu. Dalam hal ini, kekurangan dana akan meningkatkan kebergantungan PTPTN kepada jaminan Kerajaan dan mengurangkan bilangan penawaran pinjaman baharu. Sehubungan itu, cadangan untuk memberikan pengecualian bayaran balik kepada peminjam PTPTN di peringkat Sarjana dan Doktor

Falsafah yang mendapat purata nilai gred kumulatif lebih daripada 3.6 memerlukan kajian lanjut terutamanya daripada segi kesan kewangan kepada Kerajaan dan PTPTN secara khususnya. Seterusnya, cadangan ini juga perlu mendapat kelulusan daripada pihak Kementerian Kewangan.

Sekian, terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN** : LISAN  
**DARIPADA** : DATO' JUHANIS BINTI ABD AZIZ  
**TARIKH** : 20 DISEMBER 2021 (ISNIN)  
**SOALAN** : NO.27

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan peratusan mahasiswa dari keluarga B40 yang mendapat peluang menyambung pelajaran ke universiti di luar negara sejak awal tahun 2021.

### JAWAPAN

Tan Sri Yang Di-Pertua,

Merujuk kepada data sehingga 6 Disember 2021 yang diperoleh daripada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA), jumlah mahasiswa dari keluarga B40 yang mendapat peluang menyambung pelajaran ke universiti di luar negara sejak awal tahun 2021 di bawah tajaan atau biasiswa JPA dan MARA adalah seperti berikut:

TAJAJAN/BIASISWA	JUMLAH
Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)	409 orang*
Majlis Amanah Rakyat (MARA)	1,255 orang**
<b>JUMLAH</b>	<b>1,664 orang</b>

*Nota: \* Sehingga 30 November 2021*

*\*\*Sehingga 6 Disember 2021*

Sekian, terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **TUAN SERUANDI BIN SAAD**  
**TARIKH** : **20 DISEMBER 2021 (ISNIN)**  
**SOALAN** : **NO. 38**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan perancangan masa hadapan bagi mempromosikan program Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dan apakah sasaran perkembangan TVET pada tahun hadapan.

### JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Penubuhan Politeknik dan Kolej Komuniti adalah bertujuan menyediakan akses meluas kepada program TVET yang berkualiti dan diiktiraf. Selain itu, ia turut berperanan memperkasa komuniti melalui Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) dan melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang. Dalam hal ini, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa komited untuk menjadikan Politeknik dan Kolej Komuniti sebagai peneraju institusi TVET yang unggul.

Justeru, pelbagai program promosi telah dan akan terus dipergiat oleh KPT melalui JPPKK bagi menggalakkan lebih ramai pelajar melanjutkan pengajian dalam bidang TVET, antaranya seperti berikut:

- 1) mengoptimumkan penggunaan platform media sosial seperti Facebook, Twitter dan Instagram bagi memberikan impak yang positif dalam menarik lebih ramai pelajar untuk mengikuti bidang TVET;
- 2) mempergiat aktiviti promosi melalui media massa seperti televisyen dan radio serta media cetak;

- 3) berkolaborasi bersama agensi kerajaan dan swasta serta NGO yang berkaitan bagi meningkatkan kesedaran orang ramai khususnya bakal pelajar dalam menggalakkan mereka memilih bidang TVET sebagai pilihan utama. Penglibatan dan perkongsian kejayaan alumni Politeknik dan Kolej Komuniti juga membantu usaha mempromosi program-program pengajian di Politeknik dan Kolej Komuniti;
- 4) Seiring dengan Lonjakan Keempat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) iaitu Graduan TVET Berkualiti serta merealisasikan sasaran RMKe-12, KPT melalui JPPKK berhasrat untuk memperkukuh jenama TVET dalam kalangan masyarakat agar bidang TVET kekal relevan sebagai pilihan utama para belia melalui pelbagai inisiatif antaranya:
  - i. Penawaran Program Berpacuan Industri (*Industry-driven Programme*);
  - ii. Pemantapan Program Pendigitalan dalam Pendidikan TVET;
  - iii. Pelaksanaan Program PENJANA KPT-CAP; dan
  - iv. Penambahbaikan Dasar berkaitan Ekosistem TVET melalui MTVET.

Sekian, terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **DATUK PAUL IGAI**  
**TARIKH** : **20 DISEMBER 2021 (ISNIN)**  
**SOALAN** : **NO.48**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat menempatkan sebuah Politeknik di Bahagian Kapit memandangkan agak ramai golongan muda yang telah tamat sekolah menengah yang tidak memenuhi syarat untuk memasuki ke Institusi Pengajian Tinggi Awam atau tidak mampu melanjutkan pelajaran mereka di kolej swasta.

### JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Pertimbangan untuk menempatkan Politeknik di sesebuah kawasan perlu mengambil kira beberapa faktor seperti kajian kebolehlaksanaan dan kajian pasaran, peruntukan kewangan, perjawatan, keperluan industri dan unjuran pasaran tenaga kerja semasa yang diperlukan negara. Ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan untuk memberi peluang dan akses pendidikan yang berkualiti kepada masyarakat setempat dan secara tidak langsung untuk merancakkan serta memberi impak pertumbuhan ekonomi di peringkat negara secara amnya dan di kawasan yang terlibat secara khususnya.

Sehingga November 2021, terdapat tiga (3) buah Politeknik dan tujuh (7) buah Kolej Komuniti yang sedang beroperasi di Sarawak iaitu Politeknik Mukah, Politeknik Kuching, Politeknik METrO Betong, Kolej Komuniti Kuching, Kolej Komuniti Mas Gading, Kolej Komuniti Miri, Kolej Komuniti Sarikei, Kolej Komuniti Santubong, Kolej Komuniti Betong dan Kolej Komuniti Cawangan Sibul. Kesemua institusi ini menawarkan pelbagai program pengajian dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Program-program yang ditawarkan ini dapat

menyokong keperluan tenaga kerja mahir dan profesional bagi pembangunan ekonomi setempat dan negara.

Sehubungan dengan itu, pihak Kementerian berpandangan bahawa satu kajian kebolehlaksanaan secara lebih terperinci perlu dilaksanakan terlebih dahulu bagi menentusahkan keperluan penubuhan Politeknik di Bahagian Kapit. Di samping itu, para pelajar serta masyarakat setempat turut digalakkan untuk menyertai kursus jangka pendek di bawah program Pendidikan Sepanjang Hayat (PSH) yang ditawarkan di Politeknik atau Kolej Komuniti negeri Sarawak. Penyertaan di dalam program Pendidikan Sepanjang Hayat (PSH) ini dapat memberi nilai tambah kepada para pelajar dan masyarakat setempat dari segi *upskilling* dan *reskilling* dalam bidang yang diminati sebelum mereka menceburi bidang kerjaya di masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

<b>PERTANYAAN</b>	<b>:</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>:</b>	<b>SR. HAJI MOHD APANDI BIN MOHAMAD</b>
<b>TARIKH</b>	<b>:</b>	<b>20 DISEMBER 2021 (ISNIN)</b>
<b>SOALAN</b>	<b>:</b>	<b>NO. 57</b>

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan langkah Kementerian memantau dan menyemak silibus mata pelajaran di universiti swasta agar ia memenuhi piawaian standard yang ditetapkan Kerajaan.

### JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Sesebuah IPTS yang berhasrat mengendalikan kursus pengajian yang baharu perlu mendapat kelulusan pengendalian daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan mencapai tahap minimum perakuan Akreditasi Sementara (*Provisional Accreditation* (PA)) daripada MQA terlebih dahulu. Proses permohonan ini adalah penting untuk memastikan kursus pengajian yang ditawarkan adalah berkualiti dan berdaya saing.

Sehubungan dengan itu, KPT telah menetapkan kriteria bagi pengendalian kursus pengajian di mana IPTS perlulah:

1. mempunyai perakuan pendaftaran yang dikeluarkan oleh KPT yang masih aktif;
2. mengendalikan kursus pengajian di premis yang berdaftar dengan KPT;
3. menyediakan kemudahan dan peralatan yang lengkap dan sesuai dengan kursus pengajian yang ditawarkan;
4. mempunyai tenaga pengajar yang berkelayakan dan mempunyai permit mengajar yang sah; dan

5. memastikan setiap kursus pengajian yang dikendalikan memperoleh akreditasi penuh (*Full Accreditation* (FA)) daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) sebelum mengemukakan permohonan pembaharuan kelulusan kursus pengajian.

Bagi kursus pengajian yang melibatkan badan profesional pula, penawaran kursus pengajian hendaklah mengikut kriteria yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknikal Bersama (JTB) yang dianggotai oleh Badan Profesional, KPT dan MQA. Kriteria yang ditetapkan adalah bertujuan memastikan standard tertinggi etika profesionalisme dan standard pendidikan tinggi serta amalan bidang kerjaya tersebut dipenuhi bagi menjaga kepentingan masyarakat serta profesion secara adil dan terpelihara.

Sekian, terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **DATO' KESAVADAS A/L A.ACHYUTHAN NAIR**  
**TARIKH** : **21 DISEMBER 2021 (SELASA)**  
**SOALAN** : **NO. 3**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan usaha yang telah dilaksanakan oleh Kementerian dalam mengenal pasti pelajar-pelajar IPTA yang benar-benar memerlukan bantuan kewangan sokongan khususnya mereka yang bukan dari kalangan peminjam PTPTN atau penerima mana-mana tajaan biasiswa.

### JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

KPT amat prihatin terhadap kebajikan dan keperluan pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) terutamanya pelajar golongan B40. Justeru, pelbagai usaha dan inisiatif seperti bantuan makanan, bantuan kewangan *one-off*, pemberian peranti dan pelan data, serta penajaan biasiswa disediakan bagi memastikan kesejahteraan dan kebajikan pelajar IPT sentiasa terjamin.

Sehubungan dengan itu, Jabatan/Unit Hal Ehwal Pelajar (HEP) yang memainkan peranan dalam pengurusan kebajikan pelajar berperanan mengenal pasti pelajar-pelajar berkeperluan, menyelaraskan serta menyediakan bantuan-bantuan bagi memelihara kebajikan pelajar seperti permohonan pinjaman, tajaan/basiswa, bantuan kewangan, bantuan zakat, bantuan makanan (baucar), bantuan peranti dan pelan data serta penyelarasan inisiatif Food Bank Siswa.

Dalam konteks ini, pengenalanpastian pelajar berkeperluan di IPT dijalankan menerusi beberapa kaedah seperti berikut:

1. Melalui rekod Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar yang mempunyai maklumat khusus seperti pekerjaan dan pendapatan ibu bapa atau seisi keluarga yang diselenggara secara berkala oleh jabatan/unit HEP dan Pendaftar universiti;
2. Semakan silang data di pangkalan data eKasih;
3. Melalui penasihat akademik yang berperanan membimbing pelajar sepanjang tempoh pengajian pelajar; dan
4. Pemeraksanaan peranan Majlis/ Jawatankuasa Perwakilan Pelajar sebagai penghubung antara pelajar dan pihak pengurusan IPT dalam menjaga kebajikan pelajar.

Sekian, terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH SUFFIAN**  
**TARIKH** : **21 DISEMBER 2021**  
**SOALAN** : **NO.52**

Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memastikan para pensyarah tidak berhadapan dengan masalah kekangan sistem sokongan untuk memastikan para pensyarah tidak berhadapan dengan masalah kemurungan yang boleh membawa kepada masalah kesihatan mental.

### JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) amat prihatin terhadap kebajikan warga KPT termasuk golongan pensyarah yang berhadapan dengan masalah kemurungan yang secara kolektifnya boleh memberi kesan kepada kesihatan mental yang serius.

Dalam hubungan ini, melalui penubuhan Unit di bawah Program Psikologi di KPT/ Jabatan/ Agensi, tindakan proaktif telah dilaksana bagi memastikan warga KPT yang terkesan mendapat sistem sokongan apabila berhadapan dengan isu kemurungan dan kesihatan mental. Antara fungsi Unit Psikologi yang ditubuhkan di peringkat KPT/ Jabatan/ Agensi adalah merancang, menyelaraskan, menyelia dan melaksanakan pengurusan perkhidmatan psikologi serta kaunseling.

Dalam hal ini, seramai 301 orang Pegawai Psikologi yang merupakan barisan hadapan dalam menyediakan sokongan emosi di peringkat Kementerian, Politeknik, Kolej Komuniti dan Universiti Awam telah memainkan peranan besar dalam menyediakan perkhidmatan psikologi kepada kumpulan sasaran. Selain itu, Pembimbing Rakan

Perkhidmatan Awam (AKRAB) juga turut menyediakan bantuan dan sokongan psikologi.

Bagi tahun 2021, KPT telah melaksanakan sebanyak 6 Klinik Kaunseling dengan penyertaan sebanyak 717 orang peserta. Di samping itu, Bengkel Pengupayaan Kendiri yang diadakan turut menarik penyertaan sebanyak 230 orang pegawai. Antara objektif utama penganjuran program ini adalah untuk memberi pengetahuan dan kemahiran dalam mengendalikan isu-isu tekanan yang boleh membawa kepada masalah kesihatan mental.

Dalam menyediakan perkhidmatan yang berkualiti kepada kumpulan sasaran, KPT juga telah menyediakan sebanyak 14 program latihan kompetensi kepada Pegawai Psikologi pada tahun 2021 yang telah disertai oleh 3,928 orang. Antara objektif utama program ini adalah untuk meningkatkan kompetensi Pegawai Psikologi dalam mengenal pasti kesihatan mental dan kemahiran dalam mengurus kesihatan mental warga kerja organisasi.

Sekian, terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **DATO' KESAVADAS A/L A. ACHYUTHAN NAIR**  
**TARIKH** : **21 DISEMBER 2021 (SELASA)**  
**SOALAN** : **NO.60**

minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bentuk pengawasan, pemantauan serta penguatkuasaan perundangan terhadap perbuatan mendapatkan Ijazah Kedoktoran (PhD) secara haram oleh mana-mana individu kenamaan termasuk ahli politik.

### JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) memandang serius dan tidak bertoleransi terhadap isu integriti melibatkan pengiktirafan Universiti Awam (UA) dan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS).

Dalam perkara ini, pengumiaan kelayakan oleh UA perlu terlebih dahulu mendapat perakuan Senat dalam memastikan pelajar memenuhi kesemua kriteria penilaian akademik yang telah ditetapkan sebelum bergraduat dari sesebuah program pengajian. Pengeluaran skrol dan sijil di UA juga adalah dikawal melalui sistem jaminan kualiti universiti masing-masing seperti pemberian nombor pendaftaran dan dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan seperti penggunaan dakwat khas dan penggunaan cop mohor Universiti masing-masing. Selain itu, setiap UA perlu mempunyai sistem pangkalan data yang menyimpan maklumat mengenai pelajar yang telah bergraduat selaras dengan peruntukan Seksyen 22B (1) Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971, di mana tiap-tiap institusi pelajaran tinggi yang ditubuhkan di bawah seksyen 6 hendaklah menyimpan dan menyenggarakan suatu pangkalan data yang mengandungi butir-butir mengenai:

*(b) orang yang diberi ijazah peringkat kedoktoran, termasuk ijazah kodoktoran kehormat;*

*(c) orang yang dilantik sebagai seorang profesor dan termasuk orang yang diberi gelaran Profesor Diraja atau Profesor Emeritus*

Selain itu, KPT turut membangunkan sistem pangkalan data bagi penerima Ijazah Kehormat dan Ph.D di peringkat Kementerian. Pangkalan data ini melibatkan maklumat graduan Ph.D UA dan IPTS yang bergraduat di Malaysia. Sistem ini sentiasa dikemas kini dari semasa ke semasa melalui pautan: <https://dohe.mohe.gov.my/award>. Bagi semakan pengesahan ijazah yang dikeluarkan oleh IPT tempatan, semakan boleh dibuat terus melalui IPT tersebut.

Dalam aspek penguatkuasaan undang-undang, mana-mana IPT tempatan dan orang awam boleh mengemukakan aduan kes *'false representation'* dengan membuat laporan kepada pihak PDRM. Siasatan lanjut akan dilaksanakan menerusi Sekyen 420 Kanun Keseksaan (Akta 574) atau Akta Akuan Berkanun 1960 atau Peraturan 4(2)(f) dan (g) di bawah Kementerian Dalam Negeri, dan juga Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) bagi kes-kes yang melibatkan penjawat awam atau mana-mana peruntukan perundangan yang bersesuaian.

Sekian, terima kasih

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **DATO' HAJI JEFRIDIN BIN HAJI ATAN**  
**TARIKH** : **22 DISEMBER 2021 (RABU)**  
**SOALAN** : **NO.11**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah pinjaman Perbadanan Tabung Pengajian Tinggi Nasional (PTPTN) yang telah dibayar semula oleh peminjam menggunakan insentif diskaun yang diumumkan Kerajaan menerusi Bajet 2022. Nyatakan juga jumlah diskaun yang telah dinikmati oleh peminjam PTPTN ini sepanjang tempoh tersebut.

### **JAWAPAN**

Tan Sri Yang di-Pertua,

Semenjak pelaksanaan insentif diskaun bayaran balik pinjaman Perbadanan Tabung Pengajian Tinggi Nasional (PTPTN) mulai 1 November 2021, sebanyak RM297.64 juta bayaran balik telah diterima pada bulan November 2021 sahaja.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM206.97 juta kutipan telah layak mendapat diskaun melibatkan 292,805 pinjaman, dengan jumlah diskaun diberikan bernilai lebih RM31.46 juta.

Sekian, terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **DATUK BOBBEY BIN SUAN**  
**TARIKH** : **22 DISEMBER 2021 (RABU)**  
**SOALAN** : **NO. 51**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapakah peratus kadar kebolehpasaran graduan yang tamat pengajian pada tahun 2019 hingga 2021 dan adakah berlaku sebarang penurunan yang ketara.

### JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Berdasarkan Kajian Pengesanan Graduan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) semasa musim konvokesyen untuk tempoh dua (2) tahun terkini, terdapat penurunan kepada kadar kebolehpasaran graduan dengan perubahan sebanyak 1.8 peratus, dari 86.2 peratus pada tahun 2019 kepada 84.4 peratus pada tahun 2020. Data yang diperoleh buat masa ini adalah bagi tahun 2020 sahaja memandangkan data kadar kebolehpasaran graduan pada tahun 2021 sedang dikemaskini dan keputusan hanya akan diperoleh pada bulan Februari tahun 2022 kelak.

Sekian, terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	PUAN RITA SARIMAH ANAK PATRICK INSOL
TARIKH	:	23 DISEMBER 2021 (KHAMIS)
SOALAN	:	NO. 23

minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah masalah yang dihadapi dalam usaha Kerajaan untuk mempertingkatkan kebolehan pasaran graduan dan pencapaian usaha tersebut setakat ini.

### JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Terdapat tiga **(3) cabaran utama** yang dihadapi oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk mempertingkatkan kebolehpasaran graduan iaitu:

- i) **Kebanyakan peluang pekerjaan adalah dalam kategori pekerja berkemahiran rendah dan sederhana (*low and semi-skilled*)**. Ini adalah selaras dengan maklumat yang diterima oleh DOSM melalui Forum Pasaran Buruh 2021 pada 16 Disember 2021 di mana seramai 1.87 juta orang dengan kelayakan akademik peringkat tertiar bekerja dalam kategori separuh mahir dan berkemahiran rendah;
- ii) Program '*reskilling*' dan '*upskilling*' perlu dilaksanakan secara berfasa bagi mematuhi norma baharu yang memerlukan penjarakan sosial; dan
- iii) **Kesukaran untuk '*reach out*' kepada kumpulan sasaran berikutan masalah capaian internet dan lokasi peserta**. Kementerian melalui Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) telah menggiatkan promosi menggunakan pelbagai medium seperti media elektronik (televisyen dan radio) dan media cetak untuk '*reach out*' yang lebih baik kepada kumpulan sasaran.

Sebagai usaha meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan dalam negara kita, KPT melaksanakan **lima (5) langkah utama** iaitu :

- i) **Melaksanakan program latihan berbentuk *reskilling* dan *upskilling* melalui inisiatif PENJANA KPT-CAP.** Graduan Universiti Awam, IPTS, Politeknik serta Kolej Komuniti bagi tahun 2019, 2020 dan 2021 yang masih belum bekerja ditawarkan jaminan penempatan pekerjaan tertakluk kepada syarat yang ditetapkan.
- ii) **Melaksanakan Program Intervensi Kebolehpasaran Graduan.** Program ini memberikan nilai tambah dan jaminan pekerjaan kepada graduan yang dikenal pasti rendah kadar kebolehpasarannya (CGPA 3.3 ke bawah) atau program pengajian yang rendah kadar kebolehpasaran (kadar kebolehpasaran 50% ke bawah).
- iii) **Melaksanakan *Structured Internship Programme (SIP)*.** Program ini menawarkan penempatan di industri secara kekal kepada pelajar yang terlibat sekiranya layak.
- iv) **Menyemak dan menambahbaik secara berkala kandungan modul dan program akademik yang ditawarkan.** Saringan turut dilaksanakan bersama beberapa Jabatan, Agensi dan Badan Profesional bagi memastikan program-program akademik atau bidang pengajian yang menjadi fokus dan keperluan guna tenaga negara sahaja yang ditawarkan oleh IPT.
- v) **Membangunkan Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021-2025.**

Sekian, terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **DATUK RAS ADIBA BINTI MOHD RADZI**  
**TARIKH** : **23 DISEMBER 2021 (KHAMIS)**  
**SOALAN** : **NO. 24**

minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah penarikan balik 'tagging' Mesra OKU dalam sistem UPU dilakukan untuk tahun 2021 sahaja ataupun 'tagging' tersebut dihapuskan sama sekali kerana bercanggah dengan pendidikan inklusif.

### JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Selaras dengan aspirasi sistem (akses dan ekuiti) Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia – Pendidikan Tinggi, PPPM (PT) serta penerapan budaya kebahagiaan, warga berkasih sayang dan hormat menghormati, peluang pendidikan kepada rakyat Malaysia diperluas dengan mewujudkan laluan khas kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU). Laluan khas ini membolehkan OKU melanjutkan pengajian ke IPTA dan ILKA di peringkat Sijil, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda. Mereka akan bersaing dalam kelompok mereka sendiri dan hanya perlu melepasi syarat am dan syarat khas program seperti yang ditetapkan oleh Universiti.

Semua data berkaitan calon OKU untuk permohonan melanjutkan pengajian ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT) ini adalah dengan kerjasama strategik pelbagai pihak contohnya Jabatan Kebajikan Masyarakat. Syarat kemasukan dibuka semula seperti di tahun-tahun sebelumnya dengan tapisan ke atas syarat am dan khas sesuatu program itu dilaksanakan bertujuan untuk memberi panduan kepada calon OKU memilih program yang layak sahaja berdasarkan syarat yang ditetapkan oleh IPTA dan ILKA.

Walau bagaimanapun, berdasarkan sesi perbincangan YB Menteri Pengajian Tinggi dengan YB Senator Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi, **tapisan ke atas syarat**

**kemasukan kepada golongan OKU telah dibuka semula pada 30 Jun 2021.** Pemohon boleh memohon UPUOnline **tanpa tapisan kurang upaya**, namun calon perlu meneliti syarat kemasukan sesuatu program di <https://online.mohe.gov.my/upu5/epanduan>.

Klasifikasi program "*tagging*" **Mesra OKU** yang juga bertujuan membantu calon OKU untuk mengenal pasti program yang layak dipohon juga telah **digugurkan di pilihan program pengajian UPUOnline pada 30 Jun 2021**. Walau bagaimanapun, pemprosesan pemilihan masih tertakluk kepada syarat am dan syarat khas yang ditetapkan oleh IPTA dan ILKA.

Golongan OKU adalah sebahagian daripada masyarakat yang sentiasa dekat dan diberi perhatian oleh Kerajaan. Kementerian sentiasa berusaha memastikan kesaksamaan peluang diberikan dengan sewajarnya untuk meneruskan pengajian ke peringkat tertiar, seterusnya dapat sama-sama berperanan dalam pembangunan masyarakat dan negara.

Sekian, terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **DATO' HAJI AHMAD BIN YAHAYA**  
**TARIKH** : **23 DISEMBER 2021 (KHAMIS)**  
**SOALAN** : **NO. 47**

minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan statistik kes gangguan jenayah seksual yang berlaku di Universiti Awam (UA) sejak tahun 2017.

### JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Dalam isu yang membabitkan gangguan seksual di Universiti Awam (UA) ini, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan pihak UA sama sekali tidak akan bertoleransi di mana tindakan tanpa '*fear or favour*' dan kerjasama sepenuhnya akan diberikan kepada pihak berkuasa dalam menyiasat sesuatu insiden agar pelaku dapat dibawa ke muka pengadilan.

Sebagai langkah kawalan dan pencegahan, sekiranya pelaku adalah pelajar IPT, Seksyen 15D, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) atau AUKU akan dirujuk. Seksyen 15D ini memperuntukkan bahawa sekiranya seorang pelajar dituduh dengan kesalahan boleh daftar, maka dia boleh, mengikut budi bicara Naib Canselor digantung daripada menjadi seorang pelajar, dilarang berada dalam atau memasuki kampus selagi prosiding belum selesai, serta boleh dikenakan tindakan tatatertib.

Sekiranya kes gangguan seksual ini melibatkan kakitangan IPTA pula, tindakan tatatertib boleh dikenakan mengikut Peraturan 3(2)(d), Jadual Kedua, Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605). Peraturan ini antara lain menyebut bahawa seseorang pegawai tidak boleh berkelakuan dengan sedemikian cara sehingga memburukkan atau mencemarkan nama badan berkanun.

Antara statistik kes gangguan seksual yang direkodkan berlaku di Universiti Awam (UA) sejak tahun 2017- 2021 adalah seperti berikut:

<b>Bil</b>	<b>Tahun</b>	<b>Tempat/ Lokasi Universiti Awam</b>	<b>Kes/ Seksyen Kesalahan</b>	<b>Mangsa</b>	<b>Suspek</b>
1.	2019	Universiti Malaya	354 Kanun Keseksaan (Cabul)	Pelajar	Pensyarah
2.	2020	Universiti Malaysia Perlis	Seksyen 354 Kanun Keseksaan (Cabul)	Pelajar	Pensyarah
3.	2021	Universiti Institut Teknologi Mara, Dengkil	509 Kanun Keseksaan /233 Akta Komunikasi Multimedia	Pelajar	Pensyarah

*Sumber: Kementerian Dalam Negeri.*

Dalam perkara ini, pihak Kementerian, institusi dan warga UA perlu sama-sama memainkan peranan dalam mempromosi persekitaran UA yang bebas daripada segala bentuk ancaman termasuk gangguan seksual bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan warga UA secara keseluruhan.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA DEWAN NEGARA  
TAHUN 2021**

**JAWAPAN BAGI PERTANYAAN LISAN**

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN** : **BUKAN LISAN**  
**DARIPADA** : **DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK CHEE**  
**SOALAN** : **NO. 8**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan :-

- a) berapa ramai pelajar mengikut pecahan kepada jantina, keturunan, negeri yang telah mendaftar di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) untuk Ijazah Sarjana Muda bagi sesi September/Oktober untuk tahun semasa; dan
- b) mohon penjelasan jumlah biasiswa Kerajaan/Kementerian yang telah diberikan kepada pelajar baru tersebut, mengikut jantina, keturunan, negeri dan kelayakan pendidikan.

### JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Berdasarkan sistem MyMoheS Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sehingga 30 April 2021, enrolmen pelajar di Universiti Awam (UA) adalah seramai 555,340 orang. Daripada jumlah ini, seramai 350,353 orang pelajar atau 63.1 peratus mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda dengan **peratusan pelajar lelaki adalah sebanyak 36.9 peratus manakala 63.1 peratus adalah pelajar perempuan.**

Berdasarkan **negeri lahir**, terdapat tiga (3) negeri yang menyumbang peratusan tertinggi pelajar melanjutkan pengajian Ijazah Sarjana Muda di UA iaitu Negeri Selangor dengan 12.9 peratus, diikuti Negeri Johor (11.5%) dan Negeri Kelantan (10.2%). Dari segi **keturunan**, pelajar Bumiputera yang melanjutkan pengajian di UA di peringkat Ijazah Sarjana Muda adalah merangkumi 85.8 peratus manakala bukan bumiputera adalah sebanyak 14.2 peratus. Butiran terperinci adalah seperti di Jadual 1.

**Jadual 1: Bilangan pelajar Ijazah Sarjana Muda UA (warganegara) mengikut Negeri Lahir, Taraf Bumiputera dan Jantina, 2021**

NEGERI LAHIR	BUMIPUTERA	Lelaki	Perempuan	Jumlah
		Bil.	Bil.	Keseluruhan
Kelantan	Bukan Bumiputera	296	448	743
	Bumiputera	12,287	22,697	34,984
	<b>Jumlah</b>	<b>12,583</b>	<b>23,145</b>	<b>35,728</b>
Johor	Bukan Bumiputera	2,815	4,338	7,143
	Bumiputera	11,788	21,185	32,973
	<b>Jumlah</b>	<b>14,603</b>	<b>25,523</b>	<b>40,126</b>
W.P.(Kuala Lumpur)	Bukan Bumiputera	1,588	2,380	3,958
	Bumiputera	9,528	15,273	24,801
	<b>Jumlah</b>	<b>11,116</b>	<b>17,653</b>	<b>28,769</b>
Perak	Bukan Bumiputera	3,278	4,823	8,100
	Bumiputera	9,292	15,653	24,945
	<b>Jumlah</b>	<b>12,570</b>	<b>20,476</b>	<b>33,046</b>
Selangor	Bukan Bumiputera	2,359	3,698	6,048
	Bumiputera	14,893	24,263	39,156
	<b>Jumlah</b>	<b>17,252</b>	<b>27,961</b>	<b>45,213</b>
Kedah	Bukan Bumiputera	1,516	2,246	3,761
	Bumiputera	8,786	16,909	25,695
	<b>Jumlah</b>	<b>10,302</b>	<b>19,155</b>	<b>29,457</b>
Terengganu	Bukan Bumiputera	96	127	223
	Bumiputera	6,650	12,800	19,450
	<b>Jumlah</b>	<b>6,746</b>	<b>12,927</b>	<b>19,673</b>
Pahang	Bukan Bumiputera	836	1,390	2,217
	Bumiputera	6,947	12,660	19,607
	<b>Jumlah</b>	<b>7,783</b>	<b>14,050</b>	<b>21,833</b>
Sarawak	Bukan Bumiputera	1,754	2,501	4,255
	Bumiputera	6,853	11,869	18,722
	<b>Jumlah</b>	<b>8,607</b>	<b>14,370</b>	<b>22,977</b>
Sabah	Bukan Bumiputera	437	750	1,187
	Bumiputera	8,470	15,593	24,063
	<b>Jumlah</b>	<b>8,907</b>	<b>16,343</b>	<b>25,250</b>

NEGERI LAHIR	BUMIPUTERA	Lelaki	Perempuan	Jumlah
		Bil.	Bil.	Keseluruhan
Pulau Pinang	Bukan Bumiputera	2,964	4,004	6,968
	Bumiputera	4,064	7,098	11,162
	<b>Jumlah</b>	<b>7,028</b>	<b>11,102</b>	<b>18,130</b>
Negeri Sembilan	Bukan Bumiputera	1,072	1,678	2,748
	Bumiputera	4,156	6,815	10,971
	<b>Jumlah</b>	<b>5,228</b>	<b>8,493</b>	<b>13,721</b>
Melaka	Bukan Bumiputera	935	1,284	2,219
	Bumiputera	3,434	5,366	8,800
	<b>Jumlah</b>	<b>4,369</b>	<b>6,650</b>	<b>11,019</b>
Perlis	Bukan Bumiputera	81	93	174
	Bumiputera	1,315	2,219	3,534
	<b>Jumlah</b>	<b>1,396</b>	<b>2,312</b>	<b>3,708</b>
W.P.(Labuan)	Bukan Bumiputera	17	35	52
	Bumiputera	322	548	870
	<b>Jumlah</b>	<b>339</b>	<b>583</b>	<b>922</b>
W.P.(Putrajaya)	Bukan Bumiputera	3	8	11
	Bumiputera	154	169	323
	<b>Jumlah</b>	<b>157</b>	<b>177</b>	<b>334</b>
LUAR NEGARA	Bukan Bumiputera	26	28	54
	Bumiputera	195	198	393
	<b>Jumlah</b>	<b>221</b>	<b>226</b>	<b>447</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>129,207</b>	<b>221,146</b>	<b>350,353</b>

Sumber: Sistem MyMoheS, KPT

Data adalah sehingga 30 April 2021

### **JAWAPAN (b)**

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menawarkan dua bentuk kemudahan pembiayaan pendidikan iaitu biasiswa dan bantuan kewangan yang diberikan kepada pelajar yang layak berdasarkan merit tanpa mengira kaum, agama, jantina, bangsa, negeri, taraf hidup dan lokaliti. Tumpuan utama pembiayaan ini adalah kepada pengajian di peringkat pasca siswazah dengan kumpulan sasaran yang terlibat adalah tenaga pengajar di Universiti Awam (UA), Politeknik dan Kolej Komuniti serta pegawai bukan akademik di UA.

Walau bagaimanapun, KPT turut menawarkan pembiayaan pendidikan kepada para pelajar di peringkat pengajian Ijazah Sarjana Muda menerusi program-program Biasiswa *MyBrainScience*, Biasiswa Atlet Cemerlang IPT, Biasiswa Pelajar Cemerlang Politeknik serta Biasiswa Anugerah Tokoh Siswa. Di samping itu, turut ditawarkan adalah Bantuan Kewangan Orang Kurang Upaya (BKOKU) yang merupakan bantuan khusus kepada pelajar daripada golongan Orang Kurang Upaya (OKU). Kesemua pelajar ini mempunyai kelayakan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)/setaraf sebagai syarat kemasukan dan penawaran biasiswa kewangan di peringkat Ijazah Sarjana Muda.

Bagi sesi akademik 2021/2022, KPT telah memberikan pembiayaan kepada seramai **369** pelajar baharu di peringkat Ijazah Sarjana Muda menerusi program pembiayaan pendidikan yang disebutkan. Pecahan pelajar yang menerima pembiayaan daripada KPT adalah seperti jadual-jadual berikut:

**Jadual 1: Pecahan pelajar yang menerima pembiayaan bagi sesi akademik 2021/2022 mengikut program biasiswa**

Program Biasiswa dan Bantuan Kewangan	Jantina		Jumlah
	Lelaki	Perempuan	
Basiswa Atlet Cemerlang IPT	38	37	75
Basiswa <i>MyBrainScience</i>	29	62	91
Basiswa Pelajar Cemerlang Politeknik	23	33	56
Bantuan Kewangan Orang Kurang Upaya	69	78	147
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>159</b>	<b>210</b>	<b>369</b>

**Jadual 2: Pecahan pelajar yang menerima pembiayaan KPT bagi sesi akademik 2021/2022 mengikut jantina**

Jantina	Bilangan Pelajar
Lelaki	159
Perempuan	210
<b>Jumlah keseluruhan</b>	<b>369</b>

**Jadual 3: Pecahan pelajar yang menerima pembiayaan bagi sesi akademik 2021/2022 mengikut keturunan**

Keturunan	Jumlah
Melayu	252
Cina	56
India	34
Iban	3
Bajau	2
Kadazan	3
Bumiputera Sabah	10
Bumiputera Sarawak	1
lain-lain	8
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>369</b>

**Jadual 4: Pecahan pelajar yang menerima pembiayaan bagi sesi akademik 2021/2022 mengikut negeri**

Negeri	Jantina		Jumlah
	Lelaki	Perempuan	
Perlis	2	4	6
Kedah	9	14	23
Pulau Pinang	9	18	27
Perak	14	14	28
Selangor	50	46	96
Negeri Sembilan	4	4	8
Melaka	4	9	13
Johor	12	28	40
Pahang	6	11	17
Terengganu	6	11	17

<b>Negeri</b>	<b>Jantina</b>		<b>Jumlah</b>
Kelantan	16	18	34
Sabah	10	12	22
Sawarak	2	6	8
Wilayah Persekutuan	15	14	29
Putrajaya	0	1	1
<b>Jumlah</b>	<b>159</b>	<b>210</b>	<b>369</b>

Sekian, terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN** : **BUKAN LISAN**  
**DARIPADA** : **DATO' HAJI JEFRIDIN BIN HAJI ATAN**  
**SOALAN** : **NO. 24**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan statistik kes buli di pusat pengajian tinggi dan tindakan yang telah diambil bagi menangani isu ini. Apakah pendirian Kerajaan dalam memperbaharui sistem orientasi atau denda di universiti yang adakalanya bersifat ekstrem hingga menyebabkan kecederaan dan kematian serta perlukah SOP khusus diwujudkan khusus bagi pelajar yang disabitkan dengan kesalahan.

### JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa peka dan memandang berat insiden buli yang dilaporkan berlaku di dalam kampus atau melibatkan pelajar Institusi Pendidikan Tinggi (IPT). Statistik kes buli yang dilaporkan pada tahun 2019-2021 adalah seperti berikut:

Institusi Pendidikan Tinggi (IPT)	Bilangan Kes Buli
Universiti Awam	9
Politeknik dan Kolej Komuniti	Tiada

Kesemua Universiti Awam, Politeknik dan Kolej Komuniti menggunakan peruntukan sedia ada dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30], Akta Universiti Teknologi Mara 1976 [Akta 173], Perlembagaan UIAM, Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] dan Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 [Akta 174] untuk mengenakan tindakan tatatertib melibatkan kes buli. Selain itu, semua IPT turut mempunyai SOP dan Garis Panduan berdasarkan akta-akta yang dinyatakan bagi memastikan tindakan tatatertib yang diambil adalah wajar dan setimpal dengan kesalahan yang dilakukan.

Justeru, kementerian menerusi IPTA turut mengambil tindakan proaktif bagi mengelakkan dan membendung insiden buli di IPT dengan melaksanakan langkah-langkah berikut:

1. Memberi penerangan dan pemakluman berhubung tindakan tatatertib dan kesalahan melalui taklimat yang disampaikan oleh pihak fakulti/ kolej kediaman dalam program/sesi suai kenal;
2. Penglibatan Penasihat Akademik/ Rakan Pendamping Siswa, Majlis Perwakilan Pelajar, Majlis Penghuni Kolej Kediaman, Pembimbing Rakan sebaya untuk memantau dan memberi bimbingan kepada kumpulan pelajar yang memerlukan;
3. Program kesedaran/ taklimat berkaitan isu buli, penyesuaian diri dengan persekitaran pembelajaran di IPTA dan sebagainya; dan
4. Program pembangunan sahsiah bersama pihak berkuasa seperti PDRM, AADK, KKM dan NGO.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebarang tindakan tatatertib yang diambil adalah selaras dan tertakluk dengan peruntukan akta, peraturan, pekeliling dan SOP berkaitan tatatertib yang diguna pakai oleh institusi masing-masing serta keputusan oleh Jawatankuasa yang ditubuhkan bagi menyiasat, meneliti, membuat pertimbangan dan mengambil tindakan terhadap aduan/ kesalahan disiplin pelajar. Di samping itu, pihak Kementerian juga menyeru dan menggalakkan mangsa buli untuk tampil ke hadapan bagi melaporkan insiden tersebut melalui saluran yang disediakan kepada pihak IPT.

KPT menerusi unit kaunseling di IPT juga sedia menyantuni mangsa kelakuan buli bagi mengatasi kemurungan atau tekanan yang dialami akibat trauma melalui perkhidmatan kaunseling serta sokongan psiko-sosial yang disediakan secara bersemuka mahupun atas talian.

Sekian, terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN** : **BUKAN LISAN**  
**DARIPADA** : **TUAN AKNAN EHTOOK**  
**SOALAN** : **NO. 29**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bilangan graduan keturunan Siam dan keturunan Thai secara tahunan mengikut Universiti Awam bagi tempoh 2010 hingga 2020.

### JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Berdasarkan sistem Kajian Pengesanan Graduan yang dijalankan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), secara puratanya Universiti Awam (UA) mengeluarkan graduan warganegara melebihi 120,000 orang setiap tahun.

Merujuk kepada data pada tahun 2020, jumlah graduan warganegara UA adalah seramai 122,544 orang secara keseluruhannya. Daripada jumlah ini, pelajar berketurunan Siam/Thai adalah seramai 119 orang iaitu bersamaan dengan 9.7 peratus daripada keseluruhan graduan (warganegara) UA. Bilangan graduan berketurunan Siam/Thai ini menunjukkan trend peningkatan semenjak tahun 2012 yang pada ketika itu hanya mencatatkan jumlah seramai 13 orang graduan atau 1.1 peratus sahaja. Butiran terperinci bagi data graduan UA berketurunan Siam/Thai adalah seperti di Jadual 1.

**Jadual 1: Bilangan graduan (warganegara) berketurunan Siam/Thai di Universiti Awam mengikut Jantina, 2012-2020**

Tahun	Keseluruhan	Jantina		Jumlah	Peratus
		Lelaki	Perempuan		
2012	116,561	3	10	13	1.1%

Tahun	Keseluruhan	Jantina		Jumlah	Peratus
2014	120,165	9	9	18	1.5%
2015	118,094	10	7	17	1.4%
2016	118,738	3	10	13	1.1%
2017	129,607	3	19	22	1.7%
2018	127,350	11	16	27	2.1%
2019	124,512	22	43	65	5.2%
2020	122,544	47	72	119	9.7%

*Tiada data graduan berketurunan Siam/Thai pada tahun 2010, 2011 dan 2013*

*Sumber: Sistem Kajian Pengesanan Graduan, KPT*

Sekian, terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN** : **BUKAN LISAN**  
**DARIPADA** : **DATO' HAJI AHMAD BIN YAHAYA**  
**SOALAN** : **NO. 43**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan tahap capaian jalur lebar di Universiti Awam (UA) termasuklah Politeknik dan Kolej Komuniti dalam negara bagi menyokong dasar pengadaptasian serta penggunaan teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

### JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) amat prihatin dengan keperluan fasiliti digital yang diperlukan oleh para pelajar dan pensyarah di Universiti Awam (UA), Politeknik dan Kolej Komuniti terutamanya bagi menyokong dasar pengadaptasian serta penggunaan teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran secara.

Pada masa ini, tahap capaian jalur lebar bagi talian internet *Malaysian Research and Education Network* (MYREN) yang diuruskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) adalah seperti berikut:

- i) 20 Universiti Awam (UA) dengan kapasiti 1 - 2 Gbps;
- ii) 35 Politeknik dengan kapasiti 200Mbps – 500Mbps; dan
- iii) 109 Kolej Komuniti iaitu 80-100Mbps.

Melalui Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 atau RMKe-12, KPT merangka untuk menaik taraf talian internet MYREN di semua Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Penaiktarafan ini melibatkan menaik taraf jalur lebar kepada 100Mbps hingga 10Gbps seperti berikut:

- i) 20 Universiti Awam (UA) dengan kapasiti 10 Gbps;
- ii) 36 Politeknik dengan kapasiti 500Mbps - 2Gbps; dan
- iii) 109 Kolej Komuniti iaitu 100-500Mbps.

Talian baharu ini dijangka boleh digunakan pada tahun 2023 tertakluk kepada kemampuan kewangan Kerajaan melalui RMKe-12. Kapasiti ini juga akan dinaik taraf dari semasa ke semasa mengikut keperluan institusi.

Sekian, terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN** : **BUKAN LISAN**  
**DARIPADA** : **DR. WAN MARTINA BINTI WAN YUSOFF**  
**SOALAN** : **NO. 53**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan langkah Kerajaan untuk memastikan kelayakan dan keboleh pasaran graduan-graduan yang mengikuti pengajian secara atas talian semasa pandemik COVID-19 kerana mereka kurang pendedahan kepada alam pekerjaan disebabkan tiada latihan industri secara fizikal.

### JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Di dalam penawaran program pengajian di Institusi Pengajian Tinggi (IPT), Latihan Industri adalah satu fasa yang bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar berkenaan tugas mereka di samping persekitaran kerja sebelum mereka bergraduasi. Namun demikian, sepanjang tempoh pandemik COVID-19, terdapat kekangan untuk pelajar ditempatkan di industri secara konvensional. Walau bagaimanapun, pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dilaksanakan secara dalam talian dengan sokongan pelbagai teknologi terkini, masih mampu memberi pendedahan yang bersesuaian dan seterusnya, memastikan pembelajaran dapat berlaku dengan kadar optimum.

Selain itu, peka dengan kesukaran pelajar untuk menjalani Latihan Industri sepenuhnya, Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) telah mengeluarkan panduan melalui *Advisory Note* berkaitan pengendalian program semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Panduan ini menerangkan berkenaan kaedah alternatif Latihan Industri bagi pelajar yang terjejas akibat kesukaran untuk mendapatkan tempat di industri.

Secara umum, pelaksanaan Latihan Industri boleh digantikan dengan kaedah alternatif lain yang bersesuaian dengan bidang program dan dapat memenuhi hasil

pembelajaran yang telah ditetapkan. Antara kaedah alternatif yang boleh dipertimbangkan adalah seperti *industry-based project*, *problem-based project*, *topical study* atau *research project*. Sehubungan itu, Pusat Pengajian Tinggi (PPT) boleh mempertimbangkan sama ada untuk melaksanakan penggantian Latihan Industri dengan kaedah alternatif secara sepenuhnya atau sebagai pelengkap kepada Latihan Industri yang terpaksa dihentikan.

Bagi PPT yang mempunyai program yang dijalankan dalam dua mod berbeza iaitu kerja kursus dan industri, seperti 2u2i atau Pembelajaran Berasaskan Kerja (*Work Based Learning*, WBL), mereka boleh mempertimbang untuk menukar pelajar program mod industri kepada mod kerja kursus. Justeru, penggantian Latihan Industri kepada kaedah alternatif yang bersesuaian merupakan fleksibiliti yang diberikan kepada PPT dalam mengatasi isu penempatan latihan industri dalam tempoh PKP ini.

PPT perlu memanfaatkan fleksibiliti yang diberi dengan sebaiknya agar hasil pembelajaran pelajar tercapai dan mereka mendapat pendedahan kepada elemen industri yang diperlukan sebagai persediaan di alam pekerjaan kelak. Fleksibiliti ini juga tertakluk kepada kesesuaian bidang pengajian dan pertimbangan badan-badan profesional yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN** : **BUKAN LISAN**  
**DARIPADA** : **DATUK MOHAN A/L THANGARASU**  
**SOALAN** : **NO. 63**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian atau IPT menjalankan ujian minat kerjaya atau personaliti bagi pemilihan pelajar ke kursus di IPT bagi padanan kerjaya di masa hadapan yang efektif dan mengurangkan kadar pengangguran.

### JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam usaha membantu graduan untuk mendapatkan maklumat mengenai peluang kerjaya, program dan tips meningkatkan kebolehpasaran mereka, telah menyediakan satu portal sehenti iaitu ***Graduates Reference Hub for Employment and Training (GREaT)*** untuk rujukan para graduan.

Dalam hal yang berkaitan, bagi proses pengambilan pelajar ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT), KPT berusaha membantu pelajar lepasan SPM dan STPM/Setaraf untuk memilih program pengajian yang bersesuaian semasa pelajar mengemukakan permohonan di laman sesawang UPUOnline yang dikawal selia oleh Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA, Jabatan Pendidikan Tinggi (BKPA, JPT). **Laman sesawang UPUOnline telah dihubungkan portal GREaT KPT (<https://great.mohe.gov.my/>) bagi ujian e-Profiling atau calon boleh terus ke pautan <https://eprofiling.mohe.gov.my/> bagi membolehkan calon melakukan ujian personaliti dan kecenderungan minat.** Justeru, pemohon boleh membuat pilihan program pengajian yang bersesuaian berdasarkan personaliti diri dan minat kerjaya mereka.

Bagi tujuan proses pemilihan kemasukan ke IPT juga, tempat pengajian yang ditawarkan adalah berdasarkan pilihan yang dibuat oleh pemohon pada fasa perdana.

Pemohon boleh memilih kesesuaian program berpandukan kepada maklumat yang dipaparkan di UPUOnline seperti berikut:

1. **Kebolehpasaran Graduan**

Maklumat kebolehpasaran graduan baharu di IPTA dan ILKA mengikut tahun beserta pautan disediakan bagi memberi gambaran status sesuatu program pengajian yang ditawarkan oleh IPTA dan ILKA.

2. **Kalkulator Merit**

3. **Trend Permohonan Dan Tawaran**

4. **Pentaksiran Psikometrik**

Pentaksiran Psikometrik merupakan penyaluran maklumat berkaitan Kecenderungan Minat Pelajar khususnya bagi pelajar lepasan SPM.

5. **Tapisan Syarat Khas Program Pengajian.**

Melalui semua fungsi tersebut yang boleh dijadikan panduan kepada calon dalam memilih kesesuaian program pengajian, calon turut dimaklumkan dengan jelas bahawa tiada jaminan mereka mendapat tawaran program pengajian berdasarkan kepada kedudukan merit semata-mata kerana ia tertakluk kepada susunan merit, pilihan program pengajian, memenuhi syarat am dan khas program pengajian, bilangan tempat yang disediakan, lulus temu duga dan/ ujian bagi program pengajian yang menetapkan syarat berkenaan.

Sekian, terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN** : **BUKAN LISAN**  
**DARIPADA** : **DATUK HJ. BASHIR BIN HJ. ALIAS**  
**SOALAN** : **NO. 85**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah usaha yang dilakukan oleh pihak Kementerian bagi meningkatkan tahap kebolehpasaran graduan dalam tempoh pandemik COVID-19.

### JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kebolehpasaran graduan merupakan antara agenda terpenting yang diberikan penekanan utama oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam melahirkan pelajar yang berkualiti tinggi, sejajar dengan keperluan semasa industri dan pasaran buruh negara. Antara usaha yang dilaksanakan oleh KPT untuk meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan pasca pandemik COVID-19 adalah:

- i. **Menyediakan platform perkongsian input daripada pihak industri di peringkat strategik bagi membincangkan jurang antara kemahiran graduan dan keperluan industri.** Platform strategik yang dimaksudkan ini termasuklah Majlis TVET Negara; Majlis Penasihat Industri; *Government-Industry TVET Coordination Body* (GIC); serta Pasukan Petugas Khas di bawah Majlis Pekerjaan Negara (NEC) yang merangkumi Pasukan Petugas Khas *National Education* (STF NE) dan Pasukan Petugas Khas TVET (STF: TVET);
- ii. **Melaksanakan program latihan berbentuk *reskilling* dan *upskilling* melalui inisiatif PENJANA KPT-CAP dan persijilan profesional melalui PENJANA KPT-PACE.** Peserta yang mengikuti program ini dijamin penempatan pekerjaan tertakluk kepada kriteria dan syarat yang ditetapkan

- iii. **Melaksanakan Program Intervensi Kebolehpasaran Graduan (GE).** Program intervensi ini memberikan nilai tambah kepada graduan yang dikenal pasti rendah kadar kebolehpasarannya (CGPA 3.3 ke bawah) atau daripada program-program pengajian yang rendah kadar kebolehpasaran (kadar kebolehpasaran 50% ke bawah).
- iv. **Melaksanakan *Structured Internship Programme (SIP)*.** Program penempatan pelajar untuk latihan industri secara berstruktur ini akan menawarkan penempatan di industri secara kekal sekiranya pelajar layak.
- v. **Membangunkan portal sehenti (*one stop centre*) iaitu Portal *Graduates Reference Hub for Employment and Training* atau *GREaT*** sebagai pusat rujukan untuk mendapatkan maklumat mengenai pekerjaan, keusahawanan, peluang melanjutkan pengajian, pembiayaan dan latihan peningkatan kemahiran kepada graduan.
- vi. **Menyemak dan menambahbaik secara berkala kandungan modul dan program akademik yang ditawarkan.** Saringan dilaksanakan bersama beberapa Jabatan, Agensi dan Badan Profesional berkaitan bagi memastikan program-program akademik atau bidang pengajian yang menjadi fokus dan keperluan guna tenaga negara sahaja yang ditawarkan oleh IPT.
- vii. **Membangunkan Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021-2025.**

Sekian, terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN** : **BUKAN LISAN**  
**DARIPADA** : **SR. HAJI MOHD APANDI BIN MOHAMAD**  
**SOALAN** : **NO. 90**

minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan usaha Kementerian dalam membantu institusi pendidikan swasta milik Bumiputera yang sedang bergelut impak daripada pandemik COVID-19.

### JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) amat menghargai sumbangan yang diberikan oleh IPTS dalam menyediakan akses kepada pendidikan tinggi sebagai rakan libat aktif yang bersama-sama memainkan peranan dalam menjayakan misi dan visi agenda pendidikan tinggi negara. Justeru, Kementerian sentiasa berusaha memastikan IPTS termasuk IPTS Bumiputera dibantu dengan sewajarnya seperti sesi libat urus berterusan, memberi khidmat nasihat serta sesi konsultasi.

Prihatin kepada permasalahan yang dihadapi oleh IPTS terutamanya yang terjejas akibat pandemik COVID-19, Kerajaan telah mengarahkan penubuhan satu Pasukan Petugas Kebangsaan Pemudahcara IPTS sebagai Industri (PEMUDAH IPTS) bagi mengkaji dan meneliti permasalahan serta kekangan yang dihadapi oleh IPTS untuk berkembang dan menjadi lebih maju sebagai satu industri yang mampan. Antara inisiatif yang telah dikenal pasti termasuklah cadangan Kerajaan untuk melanjutkan potongan cukai dua kali kepada syarikat yang memberi biasiswa kepada pelajar institusi pengajian tinggi bagi semua bidang pengajian sebagaimana yang telah diumumkan oleh YB Senator Menteri Kewangan dalam ucapan Belanjawan 2022 pada 29 Oktober 2021 yang lalu.

Selain itu, dalam memastikan pengoperasian IPTS berada di landasan yang mampan dan berdaya saing, KPT melalui dokumen “*Way Forward for Private Higher Education Institutions (PHEIs): Education as an Industry (2020-2025)*” telah menggariskan lima (5) fokus utama untuk kelestarian IPTS iaitu *Agile Governance, Institutional Sustainability, Transformed Delivery, Innovation and Teaching Excellence* dan *Internationalisation*. Pelan tindakan yang dicadangkan di dalam dokumen ini akan melonjakkan IPTS sebagai suatu industri yang mantap dan berdaya saing.

Sekian, terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN** : **BUKAN LISAN**  
**DARIPADA** : **DATO' JUHANIS BINTI ABD AZIZ**  
**SOALAN** : **NO. 110**

minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah pusat-pusat pengajian tinggi mengikut kawasan Parlimen. Apakah tindakan Kerajaan dalam memastikan setiap kawasan Parlimen mempunyai satu pusat pengajian tinggi.

### JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Berdasarkan kepada senarai pelaksanaan projek/program yang dikendalikan oleh Bahagian Pembangunan, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), jumlah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang merangkumi Universiti Awam, Politeknik dan Kolej Komuniti yang berada di bawah KPT adalah sebanyak 219 buah institusi termasuk cawangan sedia ada di 136 Parlimen. Jumlah institusi ini adalah tidak termasuk institusi-institusi di bawah Kementerian lain seperti MARA, Institut Latihan Perindustrian (ILP), Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan lain-lain.

Bagi tahun 2022 akan datang, KPT telah mendapat kelulusan tambahan bagi dua (2) lagi projek baharu melibatkan perolehan tanah bagi satu (1) Politeknik dan satu (1) Kolej Komuniti di dua (2) Parlimen. Secara dasarnya, penubuhan IPTA adalah dibuat berdasarkan keperluan strategik negara dengan mengambil kira kemampuan pembiayaan Kerajaan, kepentingan bidang tujahan tertentu terhadap pembangunan sosio-ekonomi negara, sumber manusia yang mencukupi serta keperluan sumber tenaga yang diperlukan dalam pasaran kerja. Sebagai contoh, perancangan untuk membina IPT seperti Kolej Komuniti bagi sesuatu kawasan Parlimen akan diselaraskan oleh pihak Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dan cadangan tersebut tertakluk kepada penilaian dan keputusan pihak Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU, JPM).

Sekian, terima kasih.



PARLIMEN  
MALAYSIA